

buletin **landskap** negara

EDISI 2023

Sambutan Hari Landskap Negara 2023

"Parks are not just for the rich and privileged; they are for everyone. They are a great equalizer, a place where all people are free to enjoy the beauty of nature".

Frederick Law Olmsted

HARI LANDSKAP NEGARA 2023
Landskap Berkualiti Masa Madani



Jabatan Landskap Negara



landskapnegara



landskap negara



<http://www.jln.gov.my>



Isi Kandungan

1. Ucapan Ketua Pengarah	1
2. Fokus	2 - 11
3. Perspektif	12 - 13
4. Peristiwa	14
5. Lanskap Taman Awam	15 - 16
6. Lanskap Naik Taraf	17 - 19
7. Lanskap Persekutuan Kehidupan	20 - 21
8. Sisipan Akhbar	22 - 23
9. Senarai Projek Lanskap	24
10. Bilateral	25 - 27
11. Hebahan Media	28 - 30
12. Webinar	31
13. Peristiwa dan Aktiviti	32 - 65
14. Inspirasi	66 - 69

Mukasurat

Hakcipta Terpelihara Buletin Lanskap 2023.

Tidak dibenarkan menyiar atau mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua cara sama ada secara bercetak ataupun secara media elektronik tanpa izin Penerbit Jabatan Lanskap Negara.

PENASIHAT

Mansor bin Mohamad
Ketua Pengarah
Jabatan Lanskap Negara.

EDITOR

Dr. Mazifah Simis,
Mahathir bin Muhammed.

SIDANG PENGARANG

Bhgn Dasar & Pengurusan Korporat.
Bhgn Promosi & Industri Lanskap.

KONSEP & REKABENTUK

Intan Maisarah binti Razali (Konsep)
Ismadin bin Othman (Rekabentuk).

GRAFIK DAN MEDIA

Ismadin Othman.

ARTIKEL

Saharuddin Abu Rohan, Nor Azah Abdul Aziz, Intan Syafinaz Lazim, Shaziatul Mat Kasiri, Mohd Jafni Mohd Amer, Shuriani Shaari, Zulazmi Mamat, Mazkhialis Mahi, Sazuan Afifi Nawi, Raja Shahrul Iskandar Raja Aris, Muhammad Zahri Adnin.

JURUFOTO

Muhammad Fakri Zaki Abadi Ahmad Zairi,
Mohd Samsi Sumairi, Hasri Hj Saide,
Ismadin Othman, Irwan Ezadi Chuardi,
Krew BTM JLN (Nurashikin, Nur Shazwana)

PENERBITAN

Bhgn Promosi & Industri Lanskap,
Jabatan Lanskap Negara, KPKT.

JLN 2023

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Assalamualaikum W.B.T dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan Izin-Nya, Jabatan Landskap Negara telah berjaya menerbitkan Buletin Landskap Negara Edisi 2023. Buletin Landskap Negara memaparkan projek dan program Jabatan, peristiwa dan aktiviti semasa, perkongsian ilmu dan maklumat, bingkisan dari agensi, Pihak Berkuasa Tempatan dan penggiat industri landskap serta pelbagai catatan lakaran pencapaian dan kejayaan. Buletin Landskap Negara adalah platform Jabatan dalam menyampaikan wadah informasi pembudayaan landskap kepada masyarakat.

Tahun ini bermula dengan penuh gemilang, menyaksikan penganjuran Hari Landskap Negara 2023 (HLN2023) dihadiri dan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim, Perdana Menteri, Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming, Menteri Kementerian Pembangunan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Yang Berhormat Tuan V. Sivakumar, Menteri Kementerian Sumber Manusia.

Sambutan Hari Landskap Negara ini telah diadakan pada setiap tahun bertujuan untuk menggerakkan aktiviti perlandskapan di kalangan rakyat, khususnya generasi muda sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah (NTT).



“Negara Taman Terindah” yang merupakan matlamat penubuhan JLN, dan seterusnya menjadi simbolik kejayaan 25 tahun JLN dalam memacu kemajuan landskap di Malaysia. Penubuhan JLN telah memberikan impak yang amat besar dalam menyediakan persekitaran landskap yang kondusif dan berdaya huni demi kesejahteraan rakyat Malaysia.

Saya percaya kecemerlangan pembangunan landskap negara akan terus unggul, didokong oleh usaha dan komitmen berterusan seluruh warga Jabatan dengan kerjasama semua pihak, baik di peringkat persekutuan, negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, penggiat industri landskap termasuklah sokongan Badan Bukan Kerajaan (NGO), badan korporat dan komuniti.

Akhir kata, saya berharap agar industri landskap negara akan terus maju, dan menjadi sebuah negara yang dikagumi dengan pembangunan landskap yang berkualiti.

Lindung diri, lindung keluarga dan stay safe.

Sekian, terima kasih.


MANSOR BIN MOHAMAD
KETUA PENGARAH
JABATAN LANDSKAP NEGARA

Sambutan Hari Landskap Negara 2023 (HLN2023)



Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri menyampaikan ucapan perasmian Sambutan Hari Landskap Negara 2023.

Sambutan Hari Landskap Negara (HLN) merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Landskap Negara (JLN). Sambutan pada tahun ini merupakan sambutan kali yang ke-25 diadakan semenjak penganjuran yang pertama pada tahun 1998, dan sambutan tahun ini lebih istimewa kerana bersempena 25 Tahun Penubuhan Jabatan Landskap Negara. Kerajaan Negeri Perak melalui Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) telah memberikan kerjasama yang padu kepada JLN sebagai rakan penganjur dalam menjayakan Sambutan Hari Landskap Negara 2023.

Tema HLN 2023

Tema ‘Landskap Berkualiti Malaysia Madani’ dipilih bertujuan untuk memberikan penekanan kepada usaha-usaha pembudayaan landskap di kalangan masyarakat, di samping membangunkan kawasan perbandaran yang berkualiti dengan penerapan karakter, fungsi dan kelestarian landskap, bagi mencerminkan sebuah komuniti Malaysia yang moden, maju dan sejahtera. Pembudayaan landskap perbandaran yang berkualiti di kalangan masyarakat perlu ditekankan dalam usaha membentuk sebuah komuniti Malaysia yang progresif dan sejahtera seiring

dengan aspirasi Malaysia MADANI. Aspirasi ini mampu dicapai melalui peranan dan sumbangan besar landskap dalam aspek kemampanan sosial, kesihatan, kualiti hidup, kesejahteraan mental dan fizikal, estetika, ekonomi, serta persekitaran.

Majlis Perasmian HLN 2023

Sambutan Hari Landskap Negara 2023 telah diadakan di Laman Sejahtera Taman Dr. Seenivasagam, Ipoh, Perak Darul Ridzuan pada 10-12 Mac 2023. Majlis Perasmian Sambutan Hari Landskap Negara 2023 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia pada 11 Mac 2023. Turut mengiringi bersama, YB. Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan; Tuan Sivakumar A/L Varatharaju Naidu, Menteri Sumber Manusia; YB Tuan Haji Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan; YB Sandrea Ng Shy Ching, EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YBhg.Datuk M Noor Azman Bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan; Tuan Roslee Bin Abdullah, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara; serta Pengurusan Tertinggi KP KT dan Ketua Jabatan peringkat negeri dan daerah.

Strategi Landskap Berkualiti Malaysia MADANI.

Penganjuran HLN 2023 adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan apresiasi terhadap landskap selain menyebarluas kepentingan landskap melalui program pembangunan landskap yang komprehensif. Ia juga merupakan usaha bagi mencapai wawasan Negara Taman Terindah seiring Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dan Dasar Landskap Negara.

Semasa ucapan perasmian oleh YAB Perdana Menteri, beliau telah telah menggariskan lima (5) strategi ke arah mewujudkan "Landskap Berkualiti Malaysia MADANI" iaitu;

- Memantap dan mendayamajukan sistem rangkaian landskap yang berkualiti di

- Malaysia supaya dapat dimanfaatkan secara komprehensif;
- Perlindungan kepada sumber landskap semulajadi dan aset-aset landskap bernilai tinggi;
- Penjanaan nilai ekonomi industri landskap;
- Memperkemas kualiti perkhidmatan landskap; dan
- Menjadikan landskap, taman dan ruang hijau sebagai wadah perpaduan.

Dalam ucapan alu-aluan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, beliau turut menekankan berkenaan ciri-ciri landskap yang menarik dan mempunyai identiti dan keunikan budaya merupakan faktor utama dalam mewujudkan 'Sense of Pride' dalam kemajuan sesebuah bangsa. Pembangunan yang merangkumi elemen sumber landskap semula jadi khususnya di

kawasan bandar yang pesat menjadi medium yang ideal dalam pembangunan sesebuah negara. Persekitaran hijau di kawasan perbandaran juga berfungsi sebagai kawasan rekreasi dan integrasi sosial dalam melahirkan rakyat yang muhibbah, harmoni, bersatu padu dan sihat sejahtera.

Selari dengan hasrat memastikan keberhasilan landskap yang berkualiti, ia perlu disokong oleh industri landskap yang pelbagai dan berdaya saing selaras dengan aspirasi kerajaan untuk membantu usaha penyeragaman, pengawalan dan pengwujudan kualiti landskap yang setara antarabangsa. Penyediaan khidmat sokongan bagi pembangunan industri landskap ini akan memberi peluang kepada pengusaha dan penggiat industri landskap meningkatkan kemahiran dan pengeluaran yang bermutu.



Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri bersama-sama Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan dan diiring oleh Yang Berhormat Tuan Haji Akmal Nasrullah Mohd Nasir Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan semasa Majlis Perasmian HLN2023.

FOKUS

Anugerah Rosa-Sinensis

Kemuncak kepada Majlis Sambutan Hari Lanskap Negara 2020 adalah penyampaian Anugerah Rosa-Sinensis yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), jabatan/agensi kerajaan dan pemaju yang telah menunjukkan komitmen berterusan untuk memastikan taman awam dan kawasan hijau yang dibangunkan memberi impak yang positif kepada komuniti, alam sekitar perbandaran dan biodiversiti bandar.

Anugerah ini merupakan satu inisiatif penarafan kepada taman awam dan kawasan hijau yang dirancang, dibangun dan diurus secara komprehensif yang memenuhi fungsi pembangunannya. Pelaksanaan anugerah Rosa-Sinensis ini akan menggalakkan semua pihak yang berkepentingan iaitu PBT, pemaju, pertubuhan bukan kerajaan dan komuniti bekerjasama bagi mencapai matlamat penyediaan taman awam dan kawasan hijau yang berkualiti.



Anugerah Rosa-Sinensis Penarafan Taman Awam Eco-Park Bandar Seri Botani, Ipoh Perak.



Anugerah Rosa-Sinensis Penarafan Taman Awam Hutan Bandar, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Johor.



Anugerah Rosa-Sinensis Penarafan Taman Awam Taman Rimba Bukit Kerinchi, Lembah Pantai, Kuala Lumpur.

Orkid Aranda PM-X Anwar.

KACUKAN ORKID

Induk betina:
Aranda Tecnokraft
Hibrid orkid integenerik

Kacukan:
Aranda Khaw Phaik Suan + Vanda Memoria Choo Lalkeun

Induk jantan:
Aranda Sayan
Hibrid orkid integenerik berwarna kuning

Kacukan:
Vanda Medasand + orkid liar Arachnis hookeriana

Orkid Aranda PMX-ANWAR

CIRI-CIRI BUNGA

- 1 Berwarna kuning-oren terang mewarisi sifat induk jantan
- 2 Kelopak tebal berbentuk hampir bulat
- 3 Bibir bunga agak panjang & warna oren kemerahan
- 4 Bersaiz sederhana, berukuran 3.0 - 4.5 sentimeter
- 5 Susunan jambak bunga berbentuk spiral
- 6 Panjang tangkai bunga antara 28 - 30 sentimeter
- 7 Setangkai bunga keluarkan 8 - 12 kuntum bunga yang tahan > 5 minggu di pokok
- 8 Bunga tidak bermusim & mampu berbunga 8 - 10 kali setahun

Sumber: Jabatan Landskap Negara, Institut Penyelidikan & Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Diterbitkan: 11 Mac 2023
Infografik Bernama



Orkid Aranda PM-X Anwar

Sejenis spesis orkid hibrid baharu yang dinamakan sebagai Aranda PMX-Anwar turut diumumkan semasa majlis perasmian Hari Lanskap Negara 2023 (HLN2023) bersempena nama Perdana Menteri Dato Seri Anwar Ibrahim. Orkid berkenaan telah diserahkan oleh YB Tuan Nga Kor Ming kepada YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Orkid tersebut dinamakan sedemikian bagi meraikan simbolik warna kuning-jingga spesies berkenaan, yang menggambarkan kegembiraan, optimistik dan semangat seperti mana karakter Perdana Menteri.

Aranda PMX-Anwar merupakan kacukan induk betina, Aranda Tecnokraft, yang merupakan hibrid orkid integenerik daripada kacukan Aranda Khaw Phaik Suan dan Vanda Memoria Choo Lalkeun, manakala induk jantan, Aranda Sayan, juga adalah hibrid orkid integenerik berwarna kuning kacukan di antara Vanda Medasand dan orkid liar Arachnis hookeriana.

Kacukan baharu itu berbunga kali pertama pada 5 Mac 2013. Hibrid ini telah didaftarkan dengan Penguatuasa Pendaftaran Antarabangsa Hibrid Orkid di England.

Ciri-ciri bunga bewarna kuning-jingga terang mewarisi sifat induk jantan dengan kelopak tebal, berbentuk hampir bulat dan tersusun cantik dengan bibir bunga bewarna jingga kemerahan. Bibir bunga yang agak panjang dan berwarna jingga kemerahan ini menyerlahkan keseluruhan jambangan bunga di pokok.

Bunga ini bersaiz sederhana dengan saiz berukuran diantara 3.0 ke 4.5 sentimeter dan susunan jambak bunga berbentuk spiral dengan tangkai bunga berukuran sederhana di antara 28 hingga 30 sentimeter panjang. Setangkai bunga boleh mengeluarkan sebanyak 8 hingga 12 kuntum bunga yang boleh bertahan lebih daripada lima minggu di pokok.



Sesi penyampaian orkid Aranda PMX-Anuar yang disampaikan oleh Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming kepada Dato' Seri Anwar bin Ibrahim Perdana Menteri Malaysia, diiringi oleh tetamu-tetamu kehormat.

Penanaman Pokok

YAB Perdana Menteri telah meluangkan masa untuk menanam pokok selepas majlis perasmian Sambutan HLN 2023. Pokok yang ditanam oleh beliau adalah dari spesis *Shorea leprosula* (meranti tembaga). Spesis ini merupakan spesies tumbuhan berbunga dalam keluarga Dipterocarpaceae, berasal dari Malaysia, Thailand, Borneo dan Sumatera. Aktiviti penanaman pokok merupakan ‘trademark’ sambutan HLN setiap tahun. Ia merupakan simbolik kepada hasrat Jabatan untuk menjadikan aktiviti penanaman pokok dan menjaga alam sekitar sebagai sebahagian daripada budaya masyarakat Malaysia.



Pertandingan Laman PBT menampilkan rekaan landskap yang kreatif dan menonjolkan imej, mercu tanda serta karakter landskap di kawasan pentadbiran masing-masing dalam bentuk ‘miniature’ di tapak sambutan HLN2023. Laman PBT ini menjadi

tumpuan utama pengunjung kerana tarikan rekabentuk dan hiasan kreatif yang ditampilkan. Sesi penjurian telah diadakan pada 11 Mac 2023 dan diadili oleh barisan juri profesional. Pertandingan ini dibahagiakan kepada dua kategori iaitu Kategori

Perbandaran dan Kategori Daerah. Tahniah diucapkan kepada semua pemenang dan peserta yang telah memenangi dan menyertai pertandingan Laman PBT sempena Sambutan HLN2023.

FOKUS

Pertandingan Laman PBT.

Tahniah diucapkan kepada semua pemenang dan semua peserta yang telah memenangi dan menyertai pertandingan Laman Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada Hari Landskap Negara (HLN) 2023.



Majlis Daerah Kampar



Majlis Daerah Gerik

Kategori Daerah

1. Majlis Daerah Kampar;
2. Majlis Daerah Gerik;
3. Majlis Daerah Pengkalan Hulu.

Kategori Perbandaran

1. Majlis Perbandaran Manjung;
2. Majlis Perbandaran Kuala Kangsar;
3. Majlis Perbandaran Taiping.



Majlis Daerah Pengkalan Hulu



Majlis Perbandaran Manjung



Majlis Perbandaran K. Kangsar



Majlis Perbandaran Taiping



Yang Amat Berhormat Tuan Nga Kor Ming Menteri Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) diiring tetamu jemputan mengadakan lawatan ke reruai peserta sambutan Hari Lanskap Negara 2023.



Bagi menyemarakkan lagi sambutan HLN 2023, pelbagai aktiviti dan program telah disediakan untuk memeriahkan lagi sambutan. Antaranya adalah Bengkel Buluh, Green Urban Forum (GUF), Art Latte Showcase / Art Latte Demo, Space & Spark Outdoor, Program dan Pameran Go Green, Wayang Pacak, Pertandingan Gubahan Bunga, Pertandingan Mewarna, DJ Corner, Persembahan Busker, Senamrobik, Fun Walk, Sukan Rakyat, Soccerkids, dan lain-lain.

FOKUS

Galeri aktiviti peserta cabutan bertuah, senamrobik dan permainan tradisional

Aktiviti-aktiviti yang diadakan sepanjang majlis sambutan HLN2023 seperti Cabutan Bertuah, Senamrobik dan Permainan Tradisional. Para peserta berpeluang memenangi pelbagai hadiah yang lumayan dan anak pokok serta tanaman hiasan.



Galeri Aktiviti Gubahan Bunga, Fun-Run dan Futsal.



Para peserta dan pemenang pertandingan gubahan bunga sempena sambutan Hari Landskap Negara 2023 bertempat di Legaran Khemah aktiviti di Taman DR Seenivasagam. Hadiah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Dr. Mazifah binti Simis. Tahniah kepada semua peserta dan pemenang.



Acara futsal dan Fun-Run yang diadakan sekitar Taman DR Seenivasagam. Tahniah kepada para pemenang.

FOKUS

Sempena Sambutan HLN2023, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Pertanian telah menyumbangkan sebanyak 5000 anak benih yang terdiri daripada pokok kelapa pandan, durian musang king, mangga, nangka dan pelbagai spesis pokok buah-buahan, untuk diagihkan kepada pengunjung di tapak Sambutan HLN 2023. Sumbangan anak-anak pokok ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pengunjung. Pihak Jabatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada KPBM di atas sumbangan yang telah diberikan. Jabatan juga merakamkan sekalung penghargaan kepada pihak Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

melalui Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) kerana telah memberikan kerjasama yang padu kepada JLN dalam menjayakan Sambutan Hari Landskap Negara 2023.

Ucapan tahniah dan jutaan terima kasih juga diucapkan kepada semua peserta pameran dan gerai jualan, serta semua pihak yang telah bertungkus lumus bersama-sama Jabatan dalam menjayakan sambutan HLN 2023. Semoga kerjasama ini akan berterusan dalam menjayakan sambutan HLN pada masa akan datang.



Sesi penutup majlis. Para petugas Jabatan Landskap Negara HLN2023, bergambar kenang-kenangan beramai-ramai di Taman DR Seenivasagam. Tahniah dan syabas kerana menjayakan HLN2023! Sehingga berjumpa lagi.

Taklimat Projek Pembangunan Landskap Dan Kriteria Penilaian Tapak Bagi Permohonan Projek Di Bawah RMK12.

Taklimat di sampai kan oleh En. Mohamad Sabrie Mansor, Pengarah Bahagian Penilaian dan Penyelaras JLN memberi pendedahan dan maklumat berkenaan penilaian tapak landskap dan permohonan bagi projek landskap di bawah RMk-12.

Sebanyak 80 wakil PBT seluruh Negara menyertai taklimat ini. Turut hadir dalam sesi ini adalah Dr Mazifah Simis, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pengurusan

Landskap). Sesi taklimat dan soal jawab ini diharap dapat membantu PBT merancang pembangunan

landskap di kawasan PBT masing-masing.



PERSPEKTIF

Majlis Perasmian Projek Pembangunan Lanskap Persekutaran Kehidupan di Taman Komuniti Keramat, AU3, Kuala Lumpur.



Jabatan Lanskap Negara (JLN) dengan Kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menjayakan Majlis Perasmian Projek Pembangunan Lanskap Persekutaran Kehidupan di Taman Komuniti Keramat, AU3, Kuala Lumpur pada 27 Ogos 2023. Majlis Perasmian tersebut telah disempurnakan oleh YB Tuan Haji Akmal bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan. Turut serta memeriahkan sambutan perasmian tersebut adalah Yang Berusaha Tuan Haji Suhaimi Bin Ali @ Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan Dan Kesejahteraan Komuniti), Yang Berusaha Tuan Haji Mohamad Bin Hamim, Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek) DBKL, Yang Berusaha Encik Roslee bin Abdullah, Ketua Pengarah Jabatan Lanskap Negara dan juga Tuan Hj. Zulkifli bin Endut, Pengarah Jabatan Pembangunan Lanskap dan Rekreasi DBKL.

Taman Komuniti Keramat ataupun lebih dikenali sebagai Taman Komuniti Keramat Wangsa, AU3 ini dibangunkan oleh DBKL menggunakan geran peruntukan dalam bentuk pelaksanaan projek lanskap bernilai RM 1 juta yang diterima sempena kejayaan mengungguli tempat pertama dalam Anugerah Inisiatif Negara Taman Terindah pada Tahun 2019. Anugerah Inisiatif Negara Taman Terindah ini merupakan satu bentuk pengiktirafan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang

telah menunjukkan kualiti pembangunan lanskap yang terbaik dalam usaha melaksanakan perancangan, pembangunan dan pengurusan infrastruktur lanskap yang komprehensif, melalui penyediaan kawasan hijau dan lanskap yang bermanfaat kepada masyarakat.

Projek Pembangunan Lanskap Persekutaran Kehidupan Taman Komuniti Keramat AU3 ini telah dibangunkan untuk memenuhi keperluan kemudahan rekreasi di kalangan masyarakat setempat. Antara komponen rekreasi yang dibangunkan adalah seperti kemudahan trek jogging dan laluan pejalan kaki, gelanggang futsal, kawasan lapang berumput, alatan permainan kanak-kanak dan juga kemudahan perabot taman.

Majlis Perasmian tersebut telah dihadiri seramai 1000 orang tetamu yang kebanyakannya adalah penduduk di sekitar kawasan Taman Komuniti Keramat Wangsa AU3. Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan sepanjang majlis perasmian antaranya seperti sukan rakyat, pameran dan jualan, Zumba, pertandingan gubahan bunga dan sebagainya lagi.

Diharapkan agar pembangunan Taman Komuniti Keramat AU3 ini akan dapat memberi manfaat dan memenuhi keperluan riadah masyarakat setempat. Di samping itu, adalah diharapkan agar masyarakat setempat akan bersama-sama bertanggungjawab menjaga dan menggunakan kemudahan rekreasi yang disediakan ini secara berhemah.

PERSPEKTIF

Aktiviti di Majlis Perasmian Projek Pembangunan Lanskap Persekutuan Kehidupan di Taman Komuniti Keramat, AU3, Kuala Lumpur.



Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang majlis perasmian adalah seperti sukan rakyat, booth pameran, senam-rovik zumba, pertandingan gubahan bunga, gerai jualan produk hasil pertanian dan makanan oleh penduduk setempat dan lain-lain lagi.

Penganjuran aktiviti ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran komuniti tentang kepentingan fasiliti lanskap serta peranan dan tanggungjawab oleh masyarakat dalam menjaga kemudahan-kemudahan rekreasi yang disediakan.



Malaysian Landscape Architects Award 2023 (MLAA 2023).

Our department has just received an Honour Award from Malaysia Landscape Architecture Award for our project Sungai Yak Yah : A Regeneration of Firefly Habitat Sanctuary - Professional Category.

The award received by our TKP/D Dr. Mazifah Simis and lead

consultant Tajul Land Art. A credit goes to our TKP/B Tuan Mansor Mohamad who initiated this project from the very beginning.

The event had been officiated by Menteri Besar Johor, Datuk Seri Onn Hafiz.



LANDSKAP TAMAN AWAM

Pembangunan Lapangan Rekreasi Limbang, Sarawak.



Bahagian Taman Awam, Jabatan Landskap Negara KPCT dan Majlis Daerah Limbang telah merancang, membangun dan mengawal selia pembangunan kawasan ini sejak tahun 2018 untuk menjadikan taman ini sebagai taman komuniti yang menarik dan kondusif. Cadangan Pembangunan Taman Awam Limbang, Sarawak yang berkeluasan 14 ekar ini telah siap pada 12 Oktober 2023. Taman ini adalah rizab landskap di bawah seliaan Majlis Daerah Limbang.

Pembangunan Taman Awam Limbang memberi manfaat kepada lebih 46,000 orang penduduk di kawasan sekitar dapat menikmati

suasana sekitar yang menarik dengan kemudahan yang lengkap seperti entrance signage, trek jogging, bangku taman, taman papan selaju, laman tradisi, kawasan permainan kanak-kanak, pentas utama dan landskap lembut. Ianya bertujuan bagi memenuhi keperluan masyarakat untuk melakukan pelbagai aktiviti riadah.


Pembangunan Taman Awam Limbang, Sarawak ini juga mampu memberi akses kepada kemudahan rekreasi yang berkualiti untuk penduduk Daerah Limbang khususnya, rakyat Sarawak amnya serta pelancong dari Negara Brunei. Keunikan taman awam di

Kawasan bekas lapangan terbang yang diharmonikan dalam pendekatan rekabentuk taman ini mampu menonjolkan lagi Limbang sebagai mercu tanda tarikan terbaru. Secara tidak langsung gaya hidup sihat bagi komuniti setempat dapat ditingkatkan serta integrasi dan interaksi sosial dapat ditingkatkan.

Tahniah diucapkan kepada pasukan Bahagian Taman Awam, Jabatan Landskap Negara dan Majlis Daerah Limbang kerana telah merancang, membangun dan mengawal selia projek Pembangunan Taman Lapangan Rekreasi Limbang, Sarawak ini.

LANDSKAP TAMAN AWAM

Taman Awam Kuala Kerteh, Kemaman, Terengganu.



Cadangan Pembangunan Taman Awam Kuala Kerteh, Kemaman, Terengganu yang berkeluasan 22.168 ekar ini telah siap pada 27 Oktober 2023.

Lebih 215,582 orang penduduk di kawasan sekitar dapat menikmati suasana sekitar yang menarik dengan kemudahan yang lengkap seperti Dewan terbuka, kawasan permainan kanak-kanak, boulevard, entrance signage, trek jogging, bangku taman, pentas utama, padang serbaguna dan landskap lembut. Ianya bertujuan bagi memenuhi keperluan masyarakat untuk melakukan pelbagai aktiviti riadah.

Bahagian Taman Awam, Jabatan Landskap Negara dan Majlis Perbandaran Kemaman telah merancang, membangun dan mengawal selia pembangunan

kawasan ini sejak tahun 2018 sehingga kini dan menjadi taman awam yang menarik dan kondusif.

REKABENTUK

Konsep reka bentuk "Eksplorasi Visual" merupakan konsep yang akan menjadikan Taman Awam Kuala Kerteh sebagai pusat kepada eksplorasi kecantikan pemandangan sekitar Pantai Kuala Kerteh. Rekaan taman akan mengambil faktor aspek kualiti visual permandangan sekitar dalam pembentukan ruang landskap. Pengunjung akan melakukan pelbagai aktiviti riadah dalam ruang yang memberikan akses kepada permandangan yang cantik untuk dinikmati. Ia juga mampu memberi kesedaran akan kepentingan dan keindahan alam terutama di kawasan pantai. Dengan kawasan tapak sedia ada sudah tidak asing

kepada para penduduk setempat sebagai sebuah kawasan riadah dan santai, cadangan rekabentuk ini akan menjadikan taman ini sebagai sebuah kawasan rekreasi pantai yang popular untuk beriadah di samping mempromosikan keindahan persisiran pantai Negeri Terengganu.

PEMBANGUNAN

Cadangan Pembangunan Taman Awam Kuala Kerteh, Kemaman, Terengganu adalah merupakan taman awam yang dibangunkan oleh Jabatan Landskap Negara dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kemaman. Cadangan pembangunan taman awam ini adalah bertujuan untuk menyediakan kawasan rekreasi awam bagi menggalakkan gaya hidup sihat bagi masyarakat setempat.

LANDSKAP NAIK TARAF

Lawatan Pemantauan Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Jabatan Landskap Negara ke Projek Projek Pembangunan bagi Bulan November 2023 di Kota Kinabalu, Sabah dan Kuching, Sarawak.



Lawatan pada hari ketiga di Kuching, Sarawak melibatkan Taman Botani Sarawak. Lawatan ini bertujuan untuk meninjau dan memastikan keadaan kawasan taman dalam keadaan baik, bersih dan selamat, diselenggara serta beroperasi sepenuhnya. Tapak ini juga terpilih sebagai salah satu tapak bagi Kajian Penilaian Outcome peringkat EPU tahun 2023.

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), JLN juga berkesempatan untuk melawat beberapa tapak cadangan sekitar Bandaraya Kuching di bawah seliaan Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) bagi mengenal pasti tapak-tapak cadangan yang berpotensi untuk dibangunkan seterusnya dapat meningkatkan kualiti hidup penduduk setempat.

Naik Taraf Taman Awam Di Laman Rivera, Tanjung Agas, Tangkak, Johor.

Jabatan Landskap Negara di bawah Program Naik Taraf Taman Awam telah menyalurkan peruntukan pada Majlis Daerah Tangkak bagi Menaiktaraf Taman Awam di Laman Rivera, Tanjung Agas, Tangkak, Johor yang telah disiapkan pada 14 Januari 2023.

Program ini bertujuan menambah dan menaiktaraf fungsi serta kualiti kemudahan rekreasi di taman kejiranan dan taman awam sedia ada. Ianya juga bagi memastikan akses kepada kemudahan rekreasi di kawasan PBT berada dalam keadaan baik dan selamat serta fungsi sesuatu taman dapat dipertingkatkan.

Lebih 5,000 orang penduduk di kawasan Taman Awam di Laman Rivera ini dapat menikmati suasana sekitar yang menarik dengan kemudahan yang lengkap seperti laluan pejalan kaki, tempat duduk, mini plaza, peralatan permainan kanak-kanak dan juga kerja-kerja landskap lembut.

Tahniah diucapkan kepada pasukan Bahagian Pengurusan Landskap, Jabatan Landskap Negara dan Majlis Daerah Tangkak kerana telah merancang, membangun dan mengawal selia projek naik taraf Taman Awam di Laman Rivera ini.



LANDSKAP NAIK TARAF

Projek Naik Taraf Lanskap Taman Sri Nibong, Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Jabatan Lanskap Negara di bawah Program Naik Taraf Taman Awam telah menyalurkan peruntukan pada Majlis Bandaraya Pulau Pinang bagi Menaiktaraf Lanskap Tanah Lapang Taman Sri Nibong, Bayan Lepas, Pulau Pinang yang telah disiapkan pada 27 Oktober 2023.



Seramai 300,000 orang penduduk di sekitar kawasan Taman Sri Nibong ini dapat menikmati kemudahan yang disediakan seperti laluan pejalan kaki, dataran dan alatan permainan kanak-kanak bagi menjalankan pelbagai aktiviti riadah dan rekreasi.

Program ini bertujuan menambah dan menaiktaraf fungsi serta kualiti kemudahan rekreasi di taman kejiranan dan taman awam sedia ada. Ianya juga bagi memastikan akses kepada kemudahan rekreasi di kawasan PBT berada dalam keadaan baik dan selamat serta fungsi sesuatu taman dapat dipertingkatkan.



Tahniah diucapkan kepada pasukan Bahagian Pengurusan Lanskap, Jabatan Lanskap Negara dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang kerana telah merancang, membina dan mengawal selia projek naik taraf Taman Sri Nibong ini.



LANDSKAP NAIK TARAF

Projek Naik Taraf Landskap Taman Hutan Bandar Mersing, Johor

Jabatan Landskap Negara di bawah Program Naik Taraf Taman Awam telah menyalurkan peruntukan pada Majlis Daerah Mersing, Johor bagi Menaik taraf Landskap Taman Hutan Bandar Mersing, Johor yang telah disiapkan pada 30 Oktober 2023.




Seramai 85,100 orang penduduk di sekitar kawasan Taman Sri Nibong ini dapat menikmati kemudahan yang disediakan seperti laluan pejalan kaki, wakaf,

Program ini bertujuan menambah dan menaik taraf fungsi serta kualiti kemudahan rekreasi di taman kejiranan dan taman awam sedia ada. Ianya juga bagi memastikan akses kepada kemudahan rekreasi di kawasan PBT berada dalam keadaan baik dan selamat serta fungsi sesuatu taman dapat dipertingkatkan selain untuk keselesaan pengguna.



bangku konkrit, dan alatan permainan kanak-kanak bagi menjalankan pelbagai aktiviti riadah dan rekreasi.



Bil.	Nama Taman /Projek / Kawasan Hijau	Pihak Berkuasa Tempatan
1	Projek Naik Taraf Landskap Taman Awam Taman Sejahtera, Kubang Pasu, Kedah	Majlis Perbandaran Kubang Pasu
2	Projek Naik Taraf Landskap Taman Jubli Perak, Lundu, Sarawak	Majlis Daerah Lundu
3	Projek Naik Taraf Landskap Taman Tasik Marudi, Sarawak	Majlis Daerah Marudi
4	Projek Naik Taraf Landskap Taman Tasik Krai, Kuala Krai, Kelantan	Majlis Daerah Kuala Krai
5	Projek Naik Taraf Landskap Taman Gading Galoh, Pulai Chondong, Machang, Kelantan	Majlis Daerah Machang
6	Projek Naik Taraf Landskap Taman Hutan Bandar Mersing, Johor	Majlis Daerah Mersing
7	Projek Naik Taraf Landskap Taman Awam Taman Bandar, Kuantan, Pahang	Majlis Bandaraya Kuantan
8	Projek Naik Taraf Landskap Taman Bandar Kuala Rompin, Pahang	Majlis Daerah Rompin
9	Projek Naik Taraf Landskap Tanah Lapang Taman Sri Nibong, Bayan Lepas, Pulau Pinang	Majlis Bandaraya Pulau Pinang
10	Projek Naik Taraf Landskap Taman Rekreasi Ampang Jajar, Permatang Pauh, Pulau Pinang	Majlis Bandaraya Pulau Pinang
11	Projek Naik Taraf Landskap Taman Awam Sunggala Hartamas, Port Dickson, Negeri Sembilan	Majlis Perbandaran Port Dickson
12	Projek Naik Taraf Landskap Taman Desa Permai Tit, Jelebu, Negeri Sembilan	Majlis Daerah Jelebu

LANDSKAP PERSEKITARAN KEHIDUPAN

Program Pembangunan Lanskap Persekutuan Kehidupan di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

Pada tahun 2023, Jabatan Lanskap Negara telah menyiapkan beberapa projek di bawah Program Pembangunan Lanskap Persekitaran Kehidupan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), bagi memberi tumpuan untuk menyediakan kawasan persekitaran yang kondusif melalui penyediaan kemudahan infrastruktur lanskap yang optimum, indah, berfungsi dan efektif di persekitaran kawasan kediaman, bandar tempatan dan pekan-pekan kecil. Ia dilihat mampu meningkatkan integrasi sosial dan menyokong kesejahteraan hidup rakyat.

Pewujudan program ini mampu memberi impak segera kepada rakyat kerana ia memberi fokus khusus kepada

pendekatan peningkatan kualiti persekitaran kehidupan melalui pembangunan lanskap secara *people centered* dan penambahbaikan *well-being* kehidupan masyarakat setempat.

Objektif utama lanskap persekitaran ini mampu mewujudkan pembangunan lanskap yang baik dan terancang, menghasilkan ruang rekreasi yang selesa, selamat, dan dapat membentuk satu sikap ‘Kepunyaan Bersama’ (*Sense of Belonging*). Tambahan pula, ia dapat menjadikan sesebuah kawasan riadah sebagai kawasan yang dapat meningkatkan kesihatan fizikal kepada pengguna.



Lanskap Persekutuan Kehidupan di Guillemard Bridge, Kampung Kusial Baru, Tanah Merah, Kelantan



Lanskap Persekutuan Kehidupan di Tanah Lapang Awam, Kampung Joh, Labok, Machang, Kelantan



LANDSKAP PERSEKITARAN KEHIDUPAN

Program Pembangunan Lanskap Persekitaran Kehidupan di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).



Lanskap Persekitaran Kehidupan Di Taman Kota, Yong Peng, Johor.



Lanskap Persekitaran Kehidupan Di Kawasan Lapang Pusat Perniagaan Serting Utama, Jempol, Negeri Sembilan.



Lanskap Persekitaran Kehidupan di Jalan Jasin-Melaka, Jasin, Melaka.



Lanskap Persekitaran Kehidupan Di Kawasan Lapang Taman Desa Permai, Gemas, Tampin, Negeri Sembilan.

集花卉植物造景

報道
▼
黃健興
攝影
▼
丁祖興
展现

(怡保13日讯)由霹雳州各地方政府配合国家景观日参与的景观展览比赛中，纷纷融入环保和绿色的园艺造景，连同介绍市花县花、观光胜地、古迹和文化遗产，甚至结合科技进行推广；曼城县议会与金宝县议会打造的景观脱颖而出，分别当选市县议会组第一名，各获得3000令吉奖励。

尽管一连三天在怡保DR公园举行的国家景观日庆典已结束，惟公园湖中岛（Pulan Dewan Kampung）上的景观展览将会长展出一星期，欢迎民众前往参观。

至于大会免费派送给游客的5000棵果树苗，已于周日中午被横扫一空，几乎人手一株，反应热烈。

玛兹法：
料达七八千人次观光

国家景观局副总监（政策）玛兹法受到星洲日报《大霹雳》社区报访问时指出，从上周五至周日上午已超过5000人次登岛观赏景观展览，单是周日半天就达到2000人以上，预计进一步推高到七八千人不成问题。

她说，国家景观日庆典如今

是第二次在霹雳州举行，上次是五年前由太平市议会承办，如今东道主为怡保市政厅。

“这项庆典受到各政府机构参与，共襄盛举，正如今年主题‘具家景现局正设法质量昌明大马和致力建设成为国家经济景观’，反映发展成为国家经济资源，对于社会和人们健康也会带来影响。”

玛兹法披露，国家景观局附属在地方政府发展部，接下来正设法和努力把景观拓展成为国家经济资源；根据该局的愿景，国家景观项目可以教育社会大众珍惜环境与景观，在昌明大马概念和永续发展目标下，生活不仅需要过得舒适，大家还要把良好环境流传给下一代。

谈到人手一株果树苗作为手礼一事，她解释，其内涵在于让民众理解，植物是景观的一部分组件；送出果树苗当作纪念品，访客种植下去，日后就会勾起国家景观日活动点滴的回忆，显得格外珍贵。



玛兹法：国

家景观局正设法

质量昌明大马

和致力建设成为

国家经济资源，

对于社会和人们

健康也会带来影

响。”

縣議會



No1. 金寶

亮点：洗硫塲

金宝县议会景观组解释，景观构思突出金宝盛产锡米，至于设置一口井在于早年居民清晨打井水冲凉的甘榜朴素生活面貌，传统甘榜屋安装了太阳能板，可以替手机充电，显示与时并进。

景观展览比赛成绩

市议会组 县议会组

冠军	曼绒	冠军	金宝
亚军	江沙	亚军	太平
季军	太平	季军	高烏

注：各组冠军奖金3000令吉、亚军2000令吉和季军1000令吉



→ 宝县议会以斜塔造景，格外引人注目。

市議會

No2. 江沙

亮点：扫二维码通过扩增现实（AR）观看火车鸣笛横越维多丽亚桥

卫生、执照和环境组行政助理艾南塔丽亚指出，景观外观是维多利亚桥，铁轨跨过霹雳河的缩影。布景板计有地标大钟楼、乌布迪亚清真寺、江沙马来学院和马来西亚第一棵橡胶树，还有土产陶葫芦（Labu sayong），陈列的江沙树、木威树和丹绒树等，都是州内地名。



No3. 太平

亮点：利用鸡笼做成高低不一的椅子，无论高矮老少皆坐下，体现吕明大马理念

太平市议会景观组助理景观绘图师卡立提到，营造的景观涵盖太平湖和古迹，从中体现文化遗产城市形象。计有太平大钟楼和旧电话亭，内部仿效卧榻的休闲空间，仰望起来像是雨树，整个过程费时约两星期设计和完成。



No2. 宜力

亮点：竹屋，体现上霹雳盛产竹子

宜力县议会景观组解释，民众纷纷在国家景观日庆典东道主怡保市政厅拍照留念。

在高烏县议会一站式中心任职的莫哈末阿惹万表示，景观传达高烏和泰国接壤的地理位置讯息，还有地标塔婆湖，最大矿区和县花等，门面的象牙是具有历史象征；所采用的环保物质，计有将游乐园丢弃的铁枝造成一道墙。



No3. 高烏

亮点：马泰边界

在高烏县议会一站式中心任职的莫哈末阿惹万表示，景观传达高烏和泰国接壤的地理位置讯息，还有地标塔婆湖，最大矿区和县花等，门面的象牙是具有历史象征；所采用的环保物质，计有将游乐园丢弃的铁枝造成一道墙。



22

05-547 4444(热线)、停电：15454(国能热线)、水供中断：05-255 1155/1800-88-7788(霹雳州水务局热线)



國家景觀日慶典 怡DR公園人潮多



丹絨馬林县议会的园艺设计由蔬菜组成，还用蒜头、葱头和辣椒拼成“宝腾”虎头标志，象征该县是生产宝腾国产车的城市。



华都牙也县议会的小桥溪流设计，让许多人忍不住拍照打卡。

園藝比拼 設計吸睛

報道 ▶ 馬曉娟 攝影 ▶ 劉劍英

(怡保10日讯)2023年国家景观日庆典今日起在怡保DR公园举行，吸引许多公众前往参观。州内14个地方政府施展浑身解数打造的亮眼园艺，还可通过打卡盖章和扫描QR码赢取果树或草药树。

来到公园入口后，民众可以看到新落成的“Laman Sejahtera”露天广场，走过桥梁就可看到地方政府广场(Laman PBT)。

各地方政府巧花心思进行园艺，并将地方上的地标和特征融入园艺中，让参观者可以了解地方文化和风貌，而参观者也流连在各地方政府的园艺和拍照打卡。

“惊喜”公布得奖单位

国家景观局发言人卡里斯接受《大霹雳》社区报访问时表示，霹雳州共有4个市议会，即太平、安顺、曼绒和江沙，以及10个县议会包括华都牙也、司南马和丹绒马林县议会等参与园艺比赛，以便赢取金、银和铜奖。前三名得奖者各可获3000、2000和1000令吉。

他说，将会在周六以非正式的“惊喜”方式公布得奖单位，例如特地在展出单位放了一个标签，当首相拿督斯里安华经过和巡视时才公布。

另有15机构参展

他表示，比赛的评审标准包括文化、循环物资和资讯传达等。除了地方政府园



全宝县议会的园艺设计展现旧时代的生活面貌，人造井内还白烟滚滚，格外吸睛。



由于举办国家景观日庆典，许多公众到DR公园参观地方政府所进行的园艺设计。



江沙县议会将维多利亚桥的拱门“搬来”DR公园进行地方政府园艺比赛。



太平市议会在园艺设计中，融入“钟楼”和“电话亭”，让人很快就能想到太平。



本報霹靂州各地旅事處 怡保：208 8888 (總線) 廣告部：208 8999 (傳真) 採訪部：208 8996 (熱線)、208 8997 (傳真) 發行部：208 8918 (專線) 太平：805 1057 曼城：691 0622 安順：620 6680 江沙：776 9772 吉筆：716 4877

許秋華：盼保留綠肺地帶

住在第一花园的许秋华(63岁)和陈丽珠(62岁)表示，是看到《星洲日报》报道景观日庆典在DR公园举行后，特地前来游览，已有多年没有到来，最后到来是在行动管制令(2019年)之前。

她说，这次到来发现DR公园多了露天广场的建设，钢骨水泥建筑设施覆盖湖泊的一部分，使湖泊面积缩小了。

她表示比较喜欢大自然的原貌多于钢骨水泥的建筑设施，希望当局保留公园绿肺地带。



许秋华(左)和陈丽珠多年没到DR公园。

何子心：DR公園更大更美



何子心(右起)、何子晴、何振宇、何振杰第一次来DR公园。

住在怡保昆仑嘲哳的何子心(14岁)表示，今日在父亲(47岁)带领之下，和孪生妹妹子晴、堂弟何振宇(13岁)和振杰(10岁)第一次来到DR公园。

她表示，平时多数是去马场公园，未曾到DR公园，但觉得后者风景更优美，景点更多，范围也更大。

何子晴建议晚上若在灯上加上灯光，相信会更吸引人。另外，何爸爸称赞地方政府展出的竹编艺术很漂亮，希望能在国家景观日庆典后继续保留在原地，以便成为公众的打卡景点。

吳美娟：希望重返昔日熱鬧

来自金宝园的吴美娟(66岁)表示，她向来是在近打河畔步道参与各活动，例如骑自行车等，很少到另一端的DR公园。

吴美娟说，今天重来DR公园，觉得环境很干净，未举办活动前，人烟稀少，主要是看到有人在

草地上踢球而已。

她希望DR公园能重返

昔日光辉，恢复往日的热

闹，记得在30多年前，她

有钓鱼活动。

她希望该公园能依

保持整洁，因为若卫生没

有获得维持，就无法吸引人来。



馮正中：展現景觀設計師功力

马景观建筑师协会代表冯正中表示，这次参展的宗旨是展现景观设计师的工作范围，例如景观绘画和管理。

他说，大家以为景观

设计是种花草而已，其实涉及更广范围，例如景观绘画和科技管理，也触及文化层面。

他表示，通过展览，让政府和非政府部门都可前来咨询和获取资讯。



LANDSKAP

Senarai Projek Landskap bagi Tahun 2023

SENARAI PROJEK LANDSKAP TAHUN 2023	
ZON UTARA	
Taman Awam	
1	Cadangan Menyiapkan Kerja-Kerja Tertinggal Bagi Pembangunan Taman Awam Kamunting, Taiping, Perak
Naiktaraf Taman Awam	
1	Cadangan Projek Naik Taraf Lanskap Taman Awam Taman Sejahtera, Kubang Pasu, Kedah
2	Cadangan Projek Naik Taraf Lanskap Taman Awam Bandar Sik, Kedah
3	Cadangan Projek Naik Taraf Lanskap Tanah Lapang Taman Sri Nibong, Bayan Lepas, Pulau Pinang
4	Cadangan Projek Naik Taraf Lanskap Taman Rekreasi Ampang Jajar, Permatang Pauh, Pulau Pinang
Persekutuan Kehidupan	
1	Cadangan Pembangunan Lanskap Persekutuan Kehidupan Di Taman Bemban Raya, Batu Gajah, Perak
2	Cadangan Pembangunan Lanskap Persekutuan Kehidupan Di Taman Rekreasi "The Tambun Woodlands Park" Bandar Baru Tambun, Ipoh, Perak
3	Cadangan Pembangunan Lanskap Persekutuan Kehidupan Di Taman Rekreasi Riverfront, Teluk Intan, Perak
ZON TENGAH	
Persekutuan Kehidupan	
1	Cadangan Pembangunan Persekutuan Kehidupan Di Kawasan Lapang Taman Sirambai, Kuala Selangor, Selangor
ZON SELATAN	
Naiktaraf Taman Awam	
1	Cadangan Projek Naik Taraf Lanskap Taman Datin Rokiah, Johor Bahru, Johor
2	Cadangan Projek Naik Taraf Lanskap Taman Hutan Bandar Mersing, Johor
3	Cadangan Projek Naik Taraf Lanskap Taman Awam Sunggala Hartamas, Port Dickson, Negeri Sembilan
4	Cadangan Projek Naik Taraf Lanskap Taman Desa Permai Titi, Negeri Sembilan
Persekutuan Kehidupan	
1	Cadangan Pembangunan Lanskap Persekutuan Kehidupan Di Jalan Delima 3, Pontian, Johor.
2	Cadangan Pembangunan Lanskap Persekutuan Kehidupan Di Kawasan Lapang Taman Seri Rembau Fasa 1, Rembau, Negeri Sembilan
3	Cadangan Pembangunan Lanskap Persekutuan Kehidupan Di Kawasan Lapang Taman Mahsuri, Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka
ZON TIMUR	
Pembangunan Lanskap	
1	Lanskap Perbandaran Kota Bharu, Kelantan
2	Cadangan Menyiapkan Kerja-Kerja Tertinggal Bagi Pembangunan Lanskap Perbandaran Pekan, Pahang – Tender Semula Kali Ketiga
Naiktaraf Taman Awam	
1	Cadangan Projek Naik Taraf Lanskap Taman Tasik Krai, Kuala Krai, Kelantan
2	Cadangan Projek Naik Taraf Lanskap Taman Gading Galoh, Pulai Chondong, Machang, Kelantan
3	Cadangan Projek Naik Taraf Lanskap Taman Awam Taman Bandar, Kuantan, Pahang
4	Cadangan Naik taraf Lanskap Taman Bandar Kuala Rompin, Pahang
Persekutuan Kehidupan	
1	Cadangan Pembangunan Persekutuan Kehidupan Di Kawasan Taman Tasik Perumahan bandar Utama, Gua Musang, Kelantan
ZON SARAWAK	
Naiktaraf Taman Awam	
1	Cadangan Projek Naik Taraf Lanskap Taman Jubli Perak, Lundu, Sarawak
2	Cadangan Projek Naik Taraf Lanskap Taman Tasik Marudi, Sarawak
ZON SABAH	
Naiktaraf Taman Awam	
1	Cadangan Projek Naik Taraf Lanskap Taman Rekreasi Awam Daerah Pitas, Sabah

Misi Penggalakan Perdagangan Dan Pelaburan Industri Landskap Negara Tahun 2023 ke Qatar & Arab Saudi.



Mulai tahun 2020, JLN melalui Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengorak langkah untuk mempelopori usaha mempromosi dan meluaskan pasaran produk dan perkhidmatan industri landskap Malaysia di persada antarabangsa melalui program Misi Penggalakan Perdagangan dan Pelaburan Industri Landskap.

Jabatan Landskap Negara merupakan salah satu ahli dalam Sectoral Task Force (STF) bagi bidang Perkhidmatan dan Pembinaan (Services and Construction) di bawah seliaan Jawatankuasa Eksport (JK-X) Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI).



SEKTOR INDUSTRI LANDSKAP



PERKHIDMATAN (SERVICES)

- Perundingan dan kepakaran landskap (perunding landskap)
- Kerja dan binaan (kontraktor landskap)



PENGELUARAN/ PEMBUATAN DAN PEMBEKALAN

- Pembekalan pokok landskap, rumput, bunga-bunga dan biji benih;
- Produk landskap kejur seperti peralatan permainan dan senaman, perabot landskap;
- Produk lain berkaitan landskap – seperti baja, pasu bunga, mesin dan peralatan binaan landskap.

Pelaksanaan program misi adalah dengan kerjasama pihak Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

1


Menyertai sesi padanan perniagaan secara individu (individual business matchings) antara ahli perniagaan industri landskap Malaysia bersama pemaju/ejen pembangunan tempatan.

2

Menyertai sesi rundingan dua hala (bilateral meetings) bersama agensi Kerajaan dan sektor berkaitan industri bagi mengenangkan isu, potensi dan cadangan jalinan kerjasama atau perjanjian perdagangan.

3

Menghadiri taklimat dan/atau lawatan ke projek pembangunan bagi meneliti persekitaran dan amalan pembangunan negara terlibat.



Misi Penggalakan Perdagangan Dan Pelaburan Industri Landskap Negara Tahun 2023 ke Qatar & Arab Saudi.

DELEGASI MISI

DELEGASI KPKT & JLN

KPKT

- 1 YB Tuan Haji Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir
Timbalan Menteri KPKT
- 2 En. Hilmi bin Mohd Salleh
Setiausaha Sulit Kanan,
Timbalan Menteri KPKT
- 3 Pn. Siti Norraifana bt Hamidon
Penolong Setiausaha Kanan
Bahagian Perancangan Startegik dan
Antarabangsa, KPKT

JLN

- 1 Tuan Roslee bin Abdullah
Ketua Pengarah JLN
- 2 En. Ahmad Syahruddin bin Kamaruddin
Pengarah Bahagian Dasar dan Pengurusan
Korporat, JLN
- 3 Pn. Intan Syafinaz bt Lazim
Pen. Pengarah Kanan
Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat, JLN
- 4 En. A Danial bin Ismail
Pen. Pengarah
Bahagian Promosi dan Industri Lanskap, JLN



DELEGASI PERNIAGAAN (Pemain Industri Lanskap)

QATAR

- 1 Merry Horticulture International (M)
Sdn. Bhd.
Chong Lai Sze (Pengarah Jualan)
- 2 Green Acres International
Tan Wee Jian (Pengurus Pemasaran)
- 3 Green Daily Horticulture
•Teo Swee Soon (Pengarah Urusan)
•Ng Chin Chee (Pengurus Pemasaran)
- 4 KJW Nursery Sdn. Bhd
Koo Jin Wen (Pengarah Urusan)
- 5 SH Nursery Sdn. Bhd.
Teu Kim Seng (Pengarah Urusan)

ARAB SAUDI

- 1 Merry Horticulture International (M)
Sdn. Bhd.
Marcus Tan Kok Wee (Pengarah Urusan)
- 2 Green Acres International
Tan Wee Jian (Pengurus Pemasaran)
- 3 Green Daily Horticulture
•Teo Swee Soon (Pengarah Urusan)
•Ng Chin Chee (Pengurus Pemasaran)
- 4 KJW Nursery Sdn. Bhd
Koo Jin Wen (Pengarah Urusan)
- 5 SH Nursery Sdn. Bhd.
Teu Kim Seng (Pengarah Urusan)
- 6 Hock Wee Nurseries Sdn. Bhd.
•Su May Yen (Pengarah)
•Lee Chee Wei (Pengarah Urusan)
- 7 Park Games Equipment
Eugene Tan (Ketua Pegawai Eksekutif)



PELAKSANAAN MISI DI DOHA, QATAR

DOHA, QATAR

1 PENYERTAAN EXPO DOHA 2023, AL-BIDDA PARK, DOHA

- Pameran Industri Lanskap di plot Pavilion Malaysia



3 SESI PADANAN PERNIAGAAN

2 OKTOBER 2023

- Verde Landscaping and Gardening, Lusail City. Reception by Mr. Rani Nmeir, Project Manager
- Al-Naqi Landscape. Reception by Mr. Dural Mani Vannan, General Manager

3 OKTOBER 2023

- Estithmar Holdings and Elegancia Landscape – Elegancia Industries and Contracting, Lusail City, Doha.
- Nakheel Landscapes Co. Reception by Mr. Narayan Bose, Procurement Director.
- Garden Park Projects (GPP) Company. Reception by Mr. Salaheddin Gomaa, General Manager.
- Al-Mardia Trading and Agriculture Company. Reception by HE Sheikh Faisal bin Samad Al-Thani, Chairman.

4 OKTOBER 2023

- Waves Trading & Contracting Company (WLL). Reception by Mr. Ahmed Al-Momani, Landscape Division Manager.

5 OKTOBER 2023

- Nakheel Landscapes Nursery organized by Nakheel Landscape Company. Reception by Mr. Martin Grobler, Project Manager.
- Al-Sulaiteen Agriculture & Industrial Complex (Al-Sulaiteen Gardens). Reception by HE Abdullah Salem Al Sulaiteen, Chairman of Al-Sulaiteen Group of Companies.
- Deco and More Company. Reception by Mr. Hani, Managing Director.
- Abu Issa Holding. Reception by Ashraf A.R. Abu Issa (chairman).

2 SESI KUNJUNGAN HORMAT DAN TAKLIMAT

- BILATERAL 1
(8 OKTOBER 2023)**
- Ministry of Municipality, Qatar



- BILATERAL 2
(7 OKTOBER 2023)**
- Ibu Pejabat Qatari Diar, Lusail City



- BILATERAL 3
(4 OKTOBER 2023)**
- Qatar Chamber of Commerce and Industries



BILATERAL

Misi Penggalakan Perdagangan Dan Pelaburan Industri Landskap Negara Tahun 2023 ke Qatar & Arab Saudi.

PELAKSANAAN MISI 2023 DI RIYADH & JEDDAH, ARAB SAUDI

**RIYADH & JEDDAH
ARAB SAUDI**

1 SESI KUNJUNGAN HORMAT DAN TAKLIMAT

BILATERAL 4
(9 OKTOBER 2023)

- MOMRAH, Kingdom of Saudi Arabia

BILATERAL 5
(8 OKTOBER 2023)

- Royal Commission of Riyadh City (RCRC)
- Green Riyadh Nurseries : The Living Lab, Riyadh



2 SESI PADANAN PERNIAGAAN (BUSINESS MATCHING)

10 OKTOBER 2023

- Holiday INN Jeddah Gateway, Jeddah



3 BUSINESS NETWORKING RECEPTION WITH YB DEPUTY MINISTER

10 OKTOBER 2023

- Holiday INN Jeddah Gateway, Jeddah



FAEDAH DAN RETURN OF INVESTMENT (ROI)

FAEDAH PENYERTAAN

Faedah penyertaan delegasi Malaysia bagi Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan Industri Lanskap ke Qatar dan Arab Saudi adalah seperti berikut:

- 01 Membuka akses kepada Malaysia untuk mempamer dan mempromosikan perkhidmatan dan produk industri lanskap Malaysia melalui penyertaan dalam Expo 2023 Doha;
- 02 Meneroka pasaran perdagangan industri lanskap di Qatar dan Arab Saudi yang berpotensi memberi pulangan kepada ekonomi negara dan peluang pelaburan di Malaysia;
- 03 Menambah nilai kapakaran, pengetahuan dan meningkatkan inovasi negara dalam industri lanskap. Kapakaran ini amat penting dalam usaha negara untuk mendaya upayakan potensi industri lanskap negara sebagai pemberi nilai tambah ekonomi dan sumber pulangan kepada ekonomi negara; dan
- 04 Memperkuuh hubungan dua hala antara Malaysia dengan Qatar dan Arab Saudi serta meningkatkan imej dan profil negara.



Landskap keutamaan dalam pembangunan, bukan hanya aksesori.



Akmal Nasrullah berkata, kementerian melalui Jabatan Landskap Negara sedang giat memperkemaskan sistem jaringan landskap negara bagi melaksanakan pelbagai inisiatif berkaitan selari dengan agenda pembangunan mampu.

- Astro AWANI – Ogos 27, 2023 13:09 MYT

Visi 30 Peratus Kawasan Hijau di Bandar bersama RTM




Temubual eksklusif bersama Encik Mansor bin Mohamad, Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara mengulas berkaitan "Kajian Keperluan Kawasan Hijau dalam Pembangunan".

HEBAHAN TV & RADIO

Hebahen tv dan radio sempena sambutan HLN 2023.



Wawancara Radio Televisyen Malaysia bersama YBrs. Tuan Roslee Abdullah, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara (JLN), Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama-sama YBhg. Dato' Rumaizi Baharin@Md Daud, Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) yang mengulas topik Sambutan Hari Landskap Negara (HLN) 2023.



Pada 7 Mac 2023 telah diadakan sesi wawancara bersama Encik Mohd Saifuddin bin Mohd Ali, Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan, Jabatan Landskap Negara, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang akan mengulas topik National Landscape Day 2023.

HEBAHAN TV & RADIO

Hebahan TV dan Radio sempena sambutan HLN 2023 dan Program-program Hebahan Landskap.

HARI LANDSKAP NEGARA 2023 (HLN 2023)

ROSLEE ABDULLAH
KETUA PENGARAH
JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
KERJAAN TEMPATAN

DATO' RUMAIZI BAHARIN
@ MD DAUD
DATUK BANDAR
MAILIS BANDARAYA IPOH

KHAMIS, 9 MAC 2023
8:55 PAGI

tv1 SALURAN 123 | **BERITA** SALURAN 101 | **MYTV** SALURAN 101 | **rtm** SALURAN 200

SPM Selamat Pagi Malaysia | **BERITA** CATCHY | **MYTV** SALURAN 101 | **rtm** SALURAN 200

LIVE selamatpagimalaysia | **LIVE** #nadirseripagi #rtmklik

Pembangunan Lanskap Perbandaran
Cameron Highlands, Tawau, Bintulu & Batu Pahat

KepOchi KPKT
Pembangunan Lanskap Perbandaran
Kajian Pelan Induk Lanskap
Limbang, Kudat & Lahad Datu

PUAN RAMONA BINTI RAZALI
Pengarah
Bahagian Pembangunan Lanskap
Jabatan Lanskap Negara
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

12 Mei 2023 | Jumaat | 10:30 Pagi

DENGAR MELALUI:
<http://radio.kpkt.gov.my>

BERNAMA radio.kpkt | **BERNAMA** KPKT MALAYSIA | **BERNAMA** UKK KPKT

KepOchi KPKT
Sambutan Hari Lanskap Negara 2023

ENCIK AHMAD SYAHARUDDIN BIN KAMARUDDIN
Pengarah
Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat
Jabatan Lanskap Negara
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

1 Mac 2023 | Rabu | 10.30 Pagi

DENGAR MELALUI:
<http://radio.kpkt.gov.my>

BERNAMA radio.kpkt@kpkt.gov.my | **BERNAMA** 03 8891 4403 | **BERNAMA** radio.kpkt | **BERNAMA** KPKT MALAYSIA | **BERNAMA** UKK KPKT

NASIONAL fm Sentiasa Di Hati

ALFA 102 FM 102.0 | ASTRO 717 | SATURN 805 | **astro** Saluran 805 | **BERNAMA**

HARI LANDSKAP NEGARA 2022 : "MEREALISASIKAN NEGARA TAMAN TERINDAH"

ISNIN 28 FEBRUARI 2022 3.30 PETANG

BERSAMA
PUAN RAMONA BINTI RAZALI
PENGARAH BAHAGIAN KHIDMAT TEKNIKAL,
JABATAN LANDSKAP NEGARA,
KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN.

FREKUENSI SIARAN :
LEMBAH KLANG FM 93.9 | JOHOR BAHRU FM 107.5 | KUCHING FM 100.9 | KOTA KINABALU FM 107.9

BERNAMA [Facebook](#) [Twitter](#) [Instagram](#) [YouTube](#)

TEMU BUAL RADIO
MALAYSIA MADANI

SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2023

RAMONA RAZALI

PENGARAH BAHAGIAN PEMBANGUNAN LANDSKAP,
JABATAN LANDSKAP NEGARA,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERJAAN TEMPATAN

SELASA | 7 MAC 2023 | 3.15 PETANG

BERNAMA RADIO

FREKUENSI SIARAN :
LEMBAH KLANG FM 93.9 | JOHOR BAHRU FM 107.5 | KUCHING FM 100.9 | KOTA KINABALU FM 107.9

The brief WITH *JerryChandu* **MALAYSIA MADANI** **TUESDAY | 7TH MARCH 2023**
2.00 - 2.30 pm

NATIONAL LANDSCAPE DAY 2023

MOHD SAIFUDDIN ALI
Director of Research and Conservation
National Landscape Department
Ministry of Local Government Development

AND TODAY'S TRENDING STORIES
WITH DATUK DR. AT KUMARARAJAH

BERNAMA Channel Astro 502, unifi TV 631, MyTV 121 | **BERNAMA** Live Stream Facebook & YouTube BERNAMA TV

KepOchi KPKT

Pasca Pandemik PENGHIJAUAN BANDAR SEBAGAI PEMACU PERTUMBUHAN DAN PEMULIHARAAN EKONOMI

LAR. HAJAH NOR AZAH BINTI ABDUL AZIZ
Pengarah Bahagian Pengurusan Lanskap
Jabatan Lanskap Negara
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

30 Oktober 2022 | Isnin | 10.30 Pagi

DENGAR MELALUI:
<http://radio.kpkt.gov.my>

BERNAMA radio.kpkt@kpkt.gov.my | **BERNAMA** 03 8891 4403 | **BERNAMA** radio.kpkt | **BERNAMA** Radio KPKT

RADIO KPKT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERJAAN TEMPATAN

KepOchi KPKT
PROGRAM PEMBANGUNAN TAMAN AWAM

PUAN MARIAM BINTI ZAINAL
Pengarah
Bahagian Taman Awam
Jabatan Lanskap Negara
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

31 Julai 2023 | Isnin | 10.30 Pagi

DENGAR MELALUI:
<http://radio.kpkt.gov.my>

BERNAMA radio.kpkt@kpkt.gov.my | **BERNAMA** 03 8891 4403 | **BERNAMA** radio.kpkt | **BERNAMA** Radio KPKT

KepOchi KPKT
KAJIAN KEPERLUAN KAWASAN HIJAU DALAM PEMBANGUNAN

PUAN NOOR FAHIDLAH BINTI YUSOF @ OTMAN
Pengerusi
Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan
Jabatan Lanskap Negara
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan


12 September 2023 | Selasa | 10.30 Pagi

DENGAR MELALUI:
<http://radio.kpkt.gov.my>



BERNAMA radio.kpkt@kpkt.gov.my | **BERNAMA** 03 8891 4403 | **BERNAMA** radio.kpkt | **BERNAMA** Radio KPKT

WEBINAR

Webinar Kolaborasi Antara Jabatan Landskap Negara dan @ANIMALNEIGHBOURSPROJECT



Pada 05hb Januari 2023, satu perbincangan telah diadakan antara Bahagian Taman Persekutuan dan Dr. Sharmini Julita Paramasivam, pengasas [@animalneighboursproject](#) serta pasukan bagi membincangkan solusi bagi menangani human-wildlife conflict di Taman Persekutuan Bukit Kiara.



Webinar Penyelenggaraan Aset Landskap Taman Awam (MaPAL) 2023

Seminar Penyelenggaraan Aset Landskap Taman Awam (MaPAL) telah diadakan pada 21 September 2023 dan disertai lebih kurang 500 orang peserta melalui platform ZOOM. Lima kertas kerja telah dibentangkan oleh lima orang penceramah dari pelbagai agensi kerajaan.



PERISTIWA DAN AKTIVITI

"Clock Out" Pengarah Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan Jabatan Landskap Negara, Encik Mohamad Khamsin Mohamad Zin Sempena Hari Terakhir Perkhidmatan Beliau Di JLN.

Sesi "Clock Out" dihari terakhir perkhidmatan Encik Mohamad Khamsin Mohamad Zin pada 27 September 2023 telah turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran Ketua Pengarah Landskap Negara, YBrs. Tuan Roslee Abdullah. Pengarah-pengarah serta

Pegawai-pegawai Bahagian dan Warga Jabatan turut juga hadir bagi meraikan sesi tersebut. Selamat Bersama dan Terima Kasih di atas segala sumbangan serta khidmat bakti yang telah diberikan kepada Jabatan.



Seberang Perai International Conference on Ecotourism and Conservation Efforts (SPICEC 2023).

The Seberang Perai International Conference on Ecotourism and Conservation Efforts took place on October 04th, 2023 at the Light Hotel, Penang and was inaugurated by His Excellency Tun Dato Seri Utama Ahmad Fuzi Hj. Abdul Razak, the Yang Dipertua Negeri of Penang.

administered by the National Landscape Department (JLN). During the event, Mr. Mohd Saifuddin Ali, the Director of Research and Conservation, delivered a comprehensive presentation on the project to His Excellency and the distinguished guests.



An integral participant in this international conference was the Yak Yah Firefly Sanctuary, which is a river revitalization project



PERISTIWA DAN AKTIVITI

Taklimat dari Jabatan Landskap Negara bersama YB Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan

Pada 03 Januari 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Berlian, Aras 18, telah berlangsungnya Sesi Taklimat Dari Jabatan Landskap Negara (JLN) bersama Menteri Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB. Tuan Nga Kor Ming. Turut hadir bersama ialah Timbalan Menteri KPKT, YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah Mohd Nasir serta Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan dan Persekutaran Mampan, YBhg. Datuk Saidatu Akhma Hassan. Sesi taklimat telah

disampaikan oleh Ketua Pengarah Landskap Negara, YBrs. Tuan Roslee Abdullah. Turut hadir bersama di dalam sesi tersebut ialah Timbalan Ketua Pengarah Cawangan Dasar, YBrs. Dr. Mazifah Simis, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan, YBrs. Tuan Mansor Mohamad dan Pengarah-pengarah Bahagian Landskap Negara.



Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 YB. Menteri Pembangunan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)



Pada 09 Januari 2023 telah berlangsungnya Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 Menteri KP KT, YB. Tuan Nga Kor Ming di Dewan Kristal, Aras B1, KP KT. Majlis turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha KP KT, YBhg. Datuk M. Noor Azman Taib, serta pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan,

Agensi, wakil-wakil daripada 155 PBT di seluruh Negara secara bersempena dan dalam talian.

Ketua Pengarah Landskap Negara, YBrs. Tuan Roslee Abdullah turut juga hadir di dalam majlis bersama Timbalan Ketua Pengarah serta Pengarah-pengarah Bahagian.



PERISTIWA DAN AKTIVITI

Kunjungan Hormat Delegasi Majlis Bandaraya Miri, Sarawak Ke Pejabat Ketua Pengarah Landskap Negara, 10 Januari 2023

Pada 10 Januari 2023, telah berlangsungnya Kunjungan Hormat Delegasi Majlis Bandaraya Miri, Sarawak ke Pejabat Jabatan Landskap Negara. Delegasi tersebut diketuai oleh Datuk Bandaraya Miri, YB. Tuan Adam Yii Siew Sang. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Landskap Negara, YBrs. Tuan Roslee Abdullah dan dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah Cawangan Dasar, YBrs Dr. Mazifah Simis serta beberapa Pegawai Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat dan Bahagian Penilaian dan Penyelarasian.



Program Santai Jamuan Makan Antara AJK PUSPANITA Sesi 2022-2024.

Program Santai Jamuan Makan Antara AJK PUSPANITA Sesi 2022-2024 bersama Ahli Puspanita Jabatan, 13 Januari 2023

Program ini adalah program pertama bagi tahun 2023 dengan bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim dan kerjasama berpasukan semua pegawai wanita Jabatan serta mengeratkan ukhuwah antara barisan AJK PUSPANITA dengan

ahli Puspanita Jabatan yang lain.

Tagline #workswithpassion dijadikan sebagai kata-kata semangat kebersamaan pegawai wanita di Jabatan. 80 ahli Puspanita telah hadir ke jamuan ini sebagai tanda sokongan.

Program ini juga telah diketuai oleh Dr. Mazifah Simis selaku Pengurus Puspanita Jabatan Landskap Negara.



PERISTIWA DAN AKTIVITI

Bengkel Pemantapan Rekabentuk Pavilion Malaysia pada 09 - 10 Januari 2023



Pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah mengadakan Bengkel Pemantapan Rekabentuk Pavilion Malaysia antara Syarikat Arkitek Jepun dan Pemegang Taruh di Malaysia pada 09 dan 10 Januari 2023 di Menara MITI, Kuala Lumpur.

Bengkel diadakan bagi menyelaras dan memantapkan rekabentuk pavilion Malaysia sempena ekspo dunia yang dijadualkan akan diadakan di Osaka, Jepun pada 13 April hingga 13 Oktober 2025. Jabatan Landskap Negara telah diwakili oleh Tuan Haji Mansor Mohamed

(Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan), Encik Ahmad Syaharuddin Kamaruddin (Pengarah Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat) dan Encik Jasni Sabidin (Penolong Pengarah Kanan Bahagian Khidmat Teknikal). Agensi lain yang turut serta adalah Jabatan Kerja Raya (JKR)

dan MATRADE. Jabatan Landskap Negara juga telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa tetap di bawah sekretariat Osaka 2025 bagi membantu menyelaras proses rekabentuk, pembinaan serta pengurusan landskap di sepanjang tempoh ekspo ini berlangsung.

Kunjungan Hormat Bagi Perbincangan Dan Perancangan Hari Landskap Negara 2023 Di Ipoh Perak

Hari Landskap Negara (HLN) 2023 telah ditetapkan pada 03 hingga 05 Mac 2023 di Taman DR Seenivasagam, Ipoh Perak. Satu delegasi yang diketuai oleh Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, YBrs. Tuan Roslee Abdullah telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Datuk Bandar Ipoh, Datuk Romaizi Baharin pada 16 Januari 2022.

Kedua-dua pihak telah memeterai persetujuan mengenai acara berkenaan yang bakal

dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia yang juga merupakan Ahli Parlimen Tambun. Semoga sambutan kali ini disambut dengan meriah dan memberi pendedahan tentang pembudayaan landskap orang awam dan rakyat Malaysia.



PERISTIWA DAN AKTIVITI

Lawatan Kerja Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) pada 17 Januari 2023.



Pada 17 Januari 2023, telah berlangsungnya Lawatan Kerja Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) ke Pejabat Jabatan Landskap Negara yang diketuai oleh YBrs. Tuan Haji Zahanapi bin Sagaf, Pengarah Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT). Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Encik Ahmad Syaharuddin bin

Kamaruddin, Pengarah Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat serta beberapa wakil pegawai daripada YPKT dan JLN bagi mendapatkan maklumat mengenai fungsi dan peranan Jabatan. Fokus utama perbincangan ini adalah mengenai aspek program komuniti dengan pendekatan untuk memperkasakan



penyertaan komuniti setempat melalui program Jabatan yang telah diwujudkan sejak tahun 2013. Program Rakan Taman merupakan program kesukarelawanan yang berfungsi untuk membantu PBT dalam menjaga, memelihara dan menyemarakkan penggunaan taman kejiranan. Antara program lain adalah program-

program pembudayaan landskap yang merlibatkan program secara komuniti seperti pameran, ceramah dan taklimat, gotong royong membina taman, pertandingan-pertandingan bersempena landskap dan pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang bertujuan untuk membudayakan landskap.

Program Perkongsian Ilmu: Ibadah Zakat dengan kerjasama Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan pada 25 Januari 2023.



PERISTIWA DAN AKTIVITI

Majlis Bacaan Yasin Dan Doa Selamat, JLN.



Pada 30 Januari 2023, bertempat di Surau Taman Persekutuan, Aras 8, JLN, telah diadakan Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat anjuran Kelab Kebajikan, Sukan dan Rekreasi (KEKSAR) JLN buat Warga Jabatan yang ditimpak musibah dan ujian.

Majlis tersebut telah dipimpin oleh Encik Muhammad Haziq Rusli manakala bacaan doanya pula disempurnakan oleh Encik Md Yusuf Wahab. Pegawai-pegawai dari pelbagai Bahagian di Jabatan turut hadir bagi bersama-sama mengimarahkan lagi Majlis bacaan Yasin dan



Doa Selamat pada kali ini. Sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis bermaksud:

"Tidak ada seorang muslim pun yang mendoakan kebaikan bagi saudaranya (sesama muslim) tanpa sepenuhnya, melainkan malaikat akan

berkata, "Dan bagimu juga kebaikan yang sama" (Hadis Riwayat Muslim).



Sesi Mesyuarat dan Taklimat Pencalonan Sungai Yak Yah, Kampung Yak Yah, Mukim Hulu Cukai, Daerah Kemaman sebagai Rizab Biosfera melalui Program Manusia Dan Biosfera Man And The Biosfera (MAB), UNESCO.



Pihak Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Terengganu melalui pihak Majlis Perbandaran Kemaman telah menjemput Jabatan Landskap Negara, hadir ke sesi Taklimat Pencalonan Sungai Yak Yah, Kampung Yak Yah, Mukim Hulu Cukai, Daerah Kemaman sebagai Rizab Biosfera.

Januari 2023 bertempat di pejabat Majlis Perbandaran Kemaman, Terengganu.

Pihak Jabatan Landskap Negara dijemput kerana tapak projek Cadangan Pemuliharaan Kunang-kunang Di Sungai Yak Yah adalah sebahagian daripada kawasan Mukim Hulu Cukai di Kemaman, Terengganu.



Melalui Program Manusia Dan Biosfera Man And The Biosfera (MAB), UNESCO pada 30



PERISTIWA DAN AKTIVITI


Landskap Laman KP KT diberi nafas baru.

Jabatan Landskap Negara dengan kerjasama PR1MA Homes telah menjalankan usaha memperindahkan persekitaran laman lobi ketibaan bangunan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KP KT) dengan mewujudkan landskap yang lebih

indah dan ceria. Penyediaan rekebentuk dan penyelarasan pelaksanaan dikawalselia oleh Pegawai-pegawai Bahagian Teknikal Jabatan secara ‘Fast Track’ bagi memastikan impak perubahan yang positif dapat direalisasikan pantas dan efektif.

Terdapat juga ruang tempat duduk disediakan untuk kemudahan pengguna. Yang Berhormat Menteri KP KT, Tuan Nga Kor Ming telah mengambil kesempatan untuk melawat dan menikmati suasana persekitaran laman yang telah diberi nafas baru ini.

Adalah diharapkan Warga KP KT mendapat manfaat dengan persekitaran yang lebih ceria dan nyaman ini dalam menjalankan tugas sehari-hari selain dapat memberi satu persekitaran yang lebih ‘Welcoming’ kepada pelanggan-pelanggan KP KT yang berurusan di sini.



PERISTIWA DAN AKTIVITI

Program Hiking PDRM Bersama Komuniti Peringkat Kontinjen Kuala Lumpur di Taman Persekutuan Bukit Kiara.

Program ini telah dihadiri oleh Ketua Polis Negara, YDH Tan Sri Acryl Sani Bin Haji Abdullah Sani, Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh, Ketua Polis Kuala Lumpur, YDH Dato' Azmi Bin Abu Kasim serta Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Landskap Negara, Encik Mansor Bin Mohamad dan Pengarah Bahagian Taman Persekutuan

Puan Fauzana Binti Abdullah.

Turut hadir adalah komuniti-komuniti masjid dan surau, Friends Of Bukit Kiara (FOBK), TTDI Resident Association (TTDIRA) dan Kesatuan Rukun Tetangga Abang Haji Openg (KRTAHO). Program ini bertepatan dengan aspirasi kerajaan untuk memastikan kemampaman alam sekitar dan masyarakat.



Lawatan Kerja KSU KPKT Ke Tapak Cadangan Pembangunan Taman Awam Kamunting, Taiping, Perak.



Lawatan Kerja Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan, YBhg Datuk M Noor Azman bin Taib ke tapak Cadangan Pembangunan Taman Awam, Kamunting, Taiping, Perak pada 07 Februari 2023.

Lawatan turut dihadiri oleh SUB Bahagian Pembangunan KPKT, Pengarah Bahagian Taman Awam JLN, Pengarah Bahagian Pengurusan Kontrak JLN, Yang Dipertua, Setiausaha dan Pegawai Majlis Perbandaran Taiping, pasukan perunding serta pihak kontraktor.

Lawatan ini adalah bertujuan membincangkan isu-isu berkaitan di tapak serta pemantauan kemajuan kerja secara keseluruhan.

PERISTIWA DAN AKTIVITI

Sesi Penyerahan Surat Pewartaan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat bagi Skim Arkitek Lanskap Jabatan Lanskap Negara.

Pada 24 Februari 2023, telah berlangsungnya Sesi Penyerahan Surat Pewartaan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat bagi Skim Arkitek Lanskap. Sesi tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Lanskap Negara, YBrs. Tuan Roslee Abdullah.

Pemangkuan ke Gred J48 berkuat kuasa 01 Mac 2023

1. Encik Md Zaimi bin Zainudin

Kenaikan Pangkat ke Gred J44 berkuat kuasa 18

November 2022

1. Encik Abdul Rahman bin Hussain
2. Encik Mohd Norsobirin bin Jamsari
3. Encik Mohd. Radzi bin Raba'ee
4. Puan Intan Maisarah binti Razali
5. Encik Muhammad Haziq bin Rusli
6. Encik Harshah bin Haris
7. Encik Mohd Faizal bin Nashahar



Pemangkuan ke Gred J44 (J44(M) Secara Fleksi) berkuatkuasa 01 Mac 2023

1. Encik Shahzamir bin Ismail
 2. Puan Lailatul Badariah binti Mohd Ikmal Hisham
 3. Encik Khairil Asraf bin Abu Bakar
 4. Puan Norhaizulazmirai binti Yusoff
 5. Puan Norjuridah binti Kasmuri
 6. Encik Ahmad Benbela Muzakal bin Mohd Zawawi
- Semoga Pegawai-pegawai tersebut terus cemerlang menyampaikan perkhidmatan yang terbaik.



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2022.

Pada 16 Mei 2023 (Selasa), Majlis Apresiasi Kecemerlangan Tahun 2022 KPKT telah diadakan di Pusat Konvensyen MBSA, Shah Alam, Selangor. Anugerah disampaikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri KPKT kepada 713 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2022.

1. En. Syamsul Erwin bin Muhammad Lagis (KPKT)
2. Pn. Intan Syafinaz binti Lazim
3. Pn. Mastura binti Ismail

4. En. Mohd Norsobirin bin Jamsari
5. En. Ahmad Benbela Muzakal bin Mohd Zawawi
6. Pn. Sakinah binti Che Yunus
7. En. Ahmad Nasron bin Yusoff @ Bos'an
8. Pn. Latifah binti Naam
9. Pn. Norsuhida binti Ariffin
10. En. Meor Yusro bin Meor Saadon Sofian
11. En. Mazkhalis bin Mahi
12. Pn. Noor Azmah binti Kamaruddin
13. En. Mohammad Ikmal bin Abdul Rahman

PERISTIWA DAN AKTIVITI

Rakaman bersama YBrs. Dr. Mazifah Simis sempena World Landskap Architecture Month (WLAM).

Pada 20 Mac 2023, rakaman bersama YBrs. Dr. Mazifah Simis, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) di lokasi Jabatan Lanskap Negara, sempena World Lanskap Architecture Month (WLAM) yang telah diselaraskan oleh Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Selangor.

Penganjuran Sambutan Bulan Senibina Lanskap Sedunia ini adalah bertepatan dengan aspirasi Malaysia Madani. Sambutan ini secara langsung memberi impak kepada peningkatan kesedaran dan

apresiasi masyarakat terhadap kepentingan bidang kesenibinaan lanskap dan pembangunan lanskap dalam membentuk sebuah komuniti Malaysia yang bertamadun dan progressif di dalam persekitaran kehidupan yang berkualiti, indah dan sejahtera.

Semoga usaha ini memberi manfaat kebajikan bukan sahaja kepada Warga Hulu Selangor, malah Warga Malaysia pada hari ini dan generasi Warga Malaysia pada masa akan datang.



Bengkel Eksplorasi dan Pengumpulan Tumbuhan Taman Botani Sabah.

Bengkel Eksplorasi dan Pengumpulan Tumbuhan Taman Botani Sabah telah diadakan pada 21 Mac 2023 dan dirasmikan oleh Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Sabah, YBrs. Puan Noorliza Awang Alip.

Ketua Pengarah Lanskap Negara, YBrs. Tuan Roslee Abdullah turut juga hadir bagi menyampaikan ucapan

aluan dan diiringi oleh Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan, Encik Mohd Saifuddin Ali.

Projek Taman Botani Sabah merupakan kerjasama erat Jabatan Lanskap Negara dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.



PERISTIWA DAN AKTIVITI

Kunjungan Hormat Delegasi Majlis Daerah Tumpat, Kelantan Ke Pejabat Ketua Pengarah Jabatan Lanskap Negara.

Pada 22 Mac 2023 (Rabu), telah berlangsungnya Kunjungan Hormat Delegasi Majlis Daerah Tumpat (MDT), Kelantan ke Pejabat Jabatan Lanskap Negara. Delegasi tersebut diketuai oleh YBrs. Hj. Rusydee bin Abdullah, Yang di-Pertua Majlis Daerah Tumpat.

YBrs. Puan Mariam binti Zainal, Pengarah Bahagian Taman Awam, mewakili Ketua Pengarah Jabatan Lanskap Negara, telah mempengerusikan sesi kunjungan hormat tersebut.

Sesi kunjungan hormat ini adalah bertujuan untuk mempelajari serta memahami prosedur penyediaan

kertas kerja permohonan peruntukan daripada Jabatan Lanskap Negara serta bagi membina jaringan kerjasama di antara Majlis Daerah Tumpat dengan Jabatan Lanskap Negara.

Turut hadir sama dalam sesi ini adalah YBrs. Hj. Mohd Azwan bin Ab. Rahman, Setiausaha MDT, YBrs. Sr. En. Shalah Huddin bin Che Husin, Ketua Whip MDT, YBrs. TPr. Hairullizan bin Yahya, Ketua OSC MDT, YBrs. En. Ismail bin Yunus, Penolong Pegawai Pertanian, MDT serta beberapa Pegawai Jabatan Lansdskap Negara.



Program Agihan Bubur Lambuk sempena Bulan Ramadhan 1444H

Pada hari Khamis 30 Mac 2023, Kelab Kebajikan dan Rekreasi (KEKSAR) dan PUSPANITA JLN telah mengadakan Program Agihan Bubur Lambuk sempena bulan Ramadhan 1444H.

Sesi serahan bubur lambuk ini telah dijayakan oleh Ketua Pengarah Lanskap Negara, YBrs. Tuan Roslee Abdullah dan Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Lanskap Negara, YBrs. Dr. Mazifah Simis kepada semua wakil Bahagian.



PERISTIWA DAN AKTIVITI

Kunjungan Hormat Delegasi Majlis Daerah Bera, Pahang Ke Pejabat Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara.

Pada 11 APRIL 2023 telah berlangsungnya Kunjungan Hormat Delegasi Majlis Daerah Bera, Pahang ke Pejabat Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara. Delegasi tersebut diketuai oleh YBrs. Tuan Halimi Bin Idris, Setiausaha Majlis Daerah Bera dan dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Roslee bin Abdullah, Ketua Pengarah Landskap Negara.

Sesi kunjungan hormat ini adalah bertujuan untuk mempelajari serta memahami tatacara permohonan peruntukan bagi Projek Pembangunan Taman Awam

daripada Jabatan Landskap Negara serta bagi membina jaringan kerjasama di antara Majlis Daerah Bera dengan Jabatan Landskap Negara.

Turut hadir sama dalam sesi ini adalah YBrs. Dr Mazifah Simis, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JLN; TPr. Tn Hj. Syamsul Kamal bin Mohammad, Pegawai Perancang MDB ; En. Asnor bin Abd Asis, Jurutera MDB; En. Zaman bin Ahmad, Penolong Arkitek Landskap MDB serta beberapa pengarah dan pegawai bahagian Jabatan Landskap Negara.



Sesi Perbincangan bersama Wakil Penggiat Industri bagi Perancangan Hala Tuju Perdagangan Industri Landskap.

Pada 12 April 2023, satu Sesi Perbincangan bersama Wakil Penggiat Industri bagi Perancangan Hala Tuju Perdagangan Industri Landskap telah diadakan di Jabatan Landskap Negara.

Sesi ini telah dihadiri oleh YBhg. Datuk LAr. Shahoran Johan Ariffin, Ex Officio dan LAr. CA. CPSI. Puan Noriah Mat, Presiden dari Pertubuhan Keselamatan Taman Permainan Malaysia (PSAM), serta wakil-wakil penggiat industri

landskap lain di Malaysia.

Encik Mahathir bin Muhamed, selaku Pengarah di Bahagian Promosi dan Industri Landskap telah mengetuai perbincangan ini dan hasil perbincangan daripada pertemuan ini, amatlah menyokong sebahagian aspirasi YAB Perdana Menteri dan YB Menteri KPKT untuk menjadikan industri landskap di Malaysia ini sebagai penyumbang kepada nilai ekonomi negara.



PERISTIWA DAN AKTIVITI

Majlis Khatam Al-Quran Jabatan Landskap Negara bagi Tahun 1444H / 2023M

Pada 13 April 2023, anjuran Kelab Kebajikan, Sukan dan Rekreasi (KEKSAR) dengan kerjasama PUSPANITA JLN telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran Jabatan Landskap Negara Bagi Tahun 1444H / 2023M bertempat di Ruang Galeri Aras 10, JLN.

Majlis turut dihadiri oleh Ketua Pengarah Landskap Negara, YBrs. Tuan Roslee Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah Cawangan Dasar, YBrs. Dr. Mazifah Simis dan Warga Jabatan yang dijemput hadir untuk sama-sama mengimarahkan majlis tersebut.



Sesi Penyertaan Awam Bagi Cadangan Pembangunan Landskap Perbandaran Kota Bharu, Kelantan.

Pada 12 April 2023, satu Sesi Penyertaan Awam bagi Cadangan Pembangunan Landskap Perbandaran Kota Bharu, Kelantan telah diadakan di AEON Mall, Kota Bharu, Kelantan.

Sesi ini telah dirasmikan oleh YB. Tuan Hilmi bin Abdullah, Timbalan Pengurusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Kelantan. Turut hadir bersama adalah YABrs. Encik Rosnazli bin Haji Amin, Yang Dipertua MPKB-BRI dan YBrs. Encik Mansor Bin Mohamad, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), JLN.

Tujuan utama sesi ini diadakan

adalah untuk mendapatkan input, penambahbaikan serta memberi peluang kepada agensi teknikal dan orang awam khususnya penduduk di Kota Bharu, Kelantan untuk melibatkan diri dalam perancangan pembangunan projek tersebut. Pembentangan ini diketuai oleh LAr. Mohd Fadrillah Mohd Taib selaku ketua perunding serta pasukan perunding dengan kerjasama JLN dan MPKB.

Turut hadir Puan Ramona binti Razali, Pengarah Bahagian Pembangunan Landskap serta pasukan kerja terdiri daripada Puan Aliza Azlin binti Md Dzulkifli, Encik Mohd. Nazeiree bin Lep dan Puan Norhaizul Azmirai binti Yusoff.



PERISTIWA DAN AKTIVITI

Kunjungan Hormat Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam (MDKPI), Kota Bharu, Kelantan ke Jabatan Landskap Negara.

Pada 17 April 2023 (Isnin), telah berlangsungnya Kunjungan Hormat Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam (MDKPI), Kota Bharu, Kelantan ke Pejabat Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara. Kunjungan tersebut diketuai oleh YBrs. En. Mohd Azman bin Ghazali, Setiausaha Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam (MDKPI) dan dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Roslee bin Abdullah, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara.

Turut hadir sama dalam sesi ini adalah En. Zaihan bin Muhammad, Ahli Majlis MDKPI; En. Mohd Faisal bin Mohd Ezani, Penolong Setiausaha MDKPI, En. Muhammad Ridha bin Abdullah, Penolong Pegawai Tadbir MDKPI, En. Rasukhan bin Safiin, Penolong



Pegawai Kesihatan Persekutuan MDKPI; En. Mohamad Ghazali bin Ibrahim, Penolong Pegawai Penilaian MDKPI; En. Mohd Rusli bin Ab Wahab, Penolong Pegawai Seni Bina MDKPI; En. Abd

Rahman bin Mustapha, Penolong Pegawai Perancang Bandar & Desa MDKPI; serta beberapa pengarah dan pegawai bahagian Jabatan Landskap Negara.

Sesi Temu Bual Bersama Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara Bagi Pelaksanaan Enterprise Architecture (EA) KPKT.

Pada 19 APRIL 2023 (Rabu), Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa (BSA) selaku Pejabat Pengurusan Enterprise Architecture (EA) KPKT telah hadir untuk melaksanakan sesi temu bual bersama YBrs. Tuan Roslee bin Abdullah, Ketua Pengarah JLN bertujuan memahami aspirasi, persekitaran semasa dan model bisnes di dalam organisasi JLN.

Pihak BSA diwakili Puan Amiera Syakinah binti Zulkifli dan Puan Nor Nadirah binti Abdul Aziz; dan antara konteks topik temubual adalah berkenaan aspirasi, prinsip dan halatju Jabatan Landskap Negara, ekspektasi pemegang taruh selain isu/cabarannya utama yang dihadapi dalam penyampaian perkhidmatan dan pembangunan landskap di JLN.



PERISTIWA DAN AKTIVITI

Majlis Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Seremban, Negeri Sembilan.

YB. Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri KP&KT telah menyempurnakan Majlis Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Seremban, Negeri Sembilan. BBP ini yang telah beroperasi sejak tahun 1960 merupakan balai ketiga tertua di Negeri Sembilan selepas BBP Bahau dan BBP Kuala Pilah.

Projek naik taraf BBP Seremban diluluskan kerajaan pada tahun 2020 dengan kos RM6.1 juta di atas tapak sedia ada berkeluasan hampir 1 ekar dan beroperasi semula pada 21 Februari 2023 yang menjadikan jumlah keseluruhan balai bomba di seluruh Negeri Sembilan sebanyak 20 buah dengan jangkaan sebuah lagi BBP dibina pada tahun ini iaitu BBP Palong 6.

Lokasi BBP Seremban terletak di persimpangan lebuh raya utama di Negeri Sembilan antaranya Lebuhraya Kuala Lumpur - Seremban, Lebuh Raya Kajang - Seremban (LEKAS) dan Lebuhraya Utara Selatan yang merupakan antara kawasan paling banyak dilalui kenderaan serta berisiko tinggi untuk berlaku kemalangan.

Majlis turut dihadiri oleh YB. Tuan Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan yang juga merupakan Ahli Parlimen Seremban dan YAS Dato' Abdul Wahab bin Hj. Mat Yasin, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Encik Mahathir bin Muhammed selaku Pengarah Bahagian Promosi dan Industri Lanskap mewakili Ketua Pengarah Jabatan Lanskap Negara.



Bengkel Peringkat Analisis & Sintesis bagi Kajian Kesesuaian Spesies & Kaedah Penanaman Pokok Teduhan Pinggiran Jalan.

Pada 17 hingga 18 Mei 2023, berlangsung Bengkel Peringkat Analisis & Sintesis bagi Kajian Kesesuaian Spesies & Kaedah Penanaman Pokok Teduhan Pinggiran Jalan bertempat di Ibis Hotel, Kuala Lumpur yang dirasmikan oleh YBrs. Dr. Mazifah Simis, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Jabatan Lanskap Negara. Turut menghadiri ialah Pengarah Bahagian Penyelidikan & Pemuliharaan, Encik Mohd. Saifuddin Ali bersama pegawai dan wakil-wakil dari agensi kerajaan iaitu FRIM, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Pihak Berkuastra Tempatan, JKR, ILAM,

PArM, pengarah dan pegawai Jabatan Lanskap Negara. Bengkel dua hari ini diadakan bagi menilai dan mendapatkan ulasan serta pandangan pakar dan pihak berkepentingan berhubung cadangan senarai spesies pokok teduhan yang sesuai berdasarkan penetapan Kriteria Kesesuaian Spesies Pokok Teduhan Pinggiran Jalan pada bengkel yang telah diadakan pada September 2022.

Bengkel dan pembentangan telah dikendalikan oleh LAr. Sabarudin Buang daripada Konsep Inovartis Sdn. Bhd. selaku ketua perunding bagi kajian ini.



PERISTIWA DAN AKTIVITI

Perbincangan Pelaksanaan Misi Penggalakan Pelaburan dan Perdagangan Industri Lanskap Jabatan Lanskap Negara Bagi Tahun 2023.

Pada 22 Mei 2023 telah berlangsung sesi Perbincangan Pelaksanaan Misi Penggalakan Pelaburan dan Perdagangan Industri Lanskap Jabatan Lanskap Negara Bagi Tahun 2023 bersama pihak MATRADE di Menara MATRADE, Kuala Lumpur. Perbincangan tersebut telah dipengerusikan oleh Encik Idzham Abdul Hamid, Pengarah bagi Seksyen Asia Tengah, Barat dan Selatan dan Afrika, Bahagian Promosi Eksport dan Akses Pasaran MATRADE.

Encik Ahmad Syaharuddin Kamaruddin, Pengarah Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat

mengetuai perwakilan Jabatan ke sesi tersebut dengan agenda menjalinkan kerjasama rapat dengan pihak MATRADE dalam usaha pengenalpastian prospek perdagangan yang lebih tersasar selain mencari alternatif terbaik pelaksanaan Misi Penggalakan Perdagangan Dan Pelaburan Industri Lanskap Malaysia bagi tahun 2023 supaya dapat dioptimakan keberkesanannya kepada pihak pemain industri dan pertumbuhan ekonomi Negara.

Turut hadir ke mesyuarat tersebut ialah Puan Haslinda Hassan, Timbalan Komisioner Perdagangan MATRADE di Emiriah Arab Bersatu

dan Encik Mahathir Muhamed, Pengarah Bahagian Promosi dan Pembangunan Industri JLN.



Majlis Penyerahan Kunci Dan Ramah Mesra Aidilfitri 2023 di Residensi Pr1ma Kota Tinggi, Johor.



Satu majlis penyerahan kunci Projek Perumahan Prima Residensi Kota Tinggi, Johor yang diadakan pada 15 Mei 2023 dengan kehadiran tetamu kehormat YB. Menteri Besar Negeri Johor, Datuk Onn Hafiz bin Dato' Ghazi bersama-sama YB. Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Tuan Nga Kor Ming.

Jabatan Lanskap Negara turut sama memenuhi jemputan majlis tersebut

melalui kehadiran Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Dr. Mazifah Simis dan beberapa pegawai lain.

Di majlis ini, YBM KPKT telah mengumumkan peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk Negeri Johor berjumlah RM23.1 juta yang akan disalurkan bagi meneruskan pembangunan di Negeri Johor. TKPD turut mewakili Jabatan ke sambutan Ramah Mesra Aidilfitri.

Lawatan Tapak Projek Naik Taraf Taman Awam Negeri Johor 2022 - Taman Awam Laman Rivera, Tangkak, Johor.




Projek ini telah siap dilaksanakan pada 15 Januari 2023 oleh pihak Majlis Daerah Tangkak dengan kerjasama perunding dan kontraktor. Hasil tinjauan secara keseluruhan, Timbalan Ketua Pengarah berpuas hati dengan pelaksanaan projek ini dan meminta

kerjasama pihak PBT dan kontraktor dalam memastikan kawasan Taman Awam Laman Rivera, Tangkak, Johor yang baru dinaiktaraf ini diselenggara dengan baik sepanjang tempoh DLP yang masih berjalan.

PERISTIWA DAN AKTIVITI

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat Jabatan dengan bertemakan "Riang Ria Terlajak Raya".

Majlis yang dianjurkan oleh Kelab Kebajikan, Sukan dan Rekreasi JLN (KEKSAR), turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran Ketua Pengarah Landskap Negara, YBrs. Tuan Roslee Abdullah. Turut hadir bersama, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), YBrs. Dr. Mazifah Simis, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), YBrs. Encik Mansor Mohamad, Pengarah-pengarah Bahagian dan Warga Jabatan.



PERISTIWA DAN AKTIVITI

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat Jabatan dengan bertemakan "Riang Ria Terlajak Raya".



PERISTIWA DAN AKTIVITI

Sesi Perbincangan Dan Taklimat Misi Penggalakan Perdagangan dan Pelaburan Industri Lanskap Tahun 2023 Bersama Pembekal dan Pengusaha Nurseri Lanskap.

Pada 31 Mei 2023, satu sesi perbincangan dan taklimat berkenaan Misi Pelaburan dan Perdagangan Industri Lanskap bersama pihak pembekal / pengusaha nurseri lanskap telah diadakan di Jabatan Lanskap Negara.

Sesi ini dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Mazifah Simis, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Jabatan

Lanskap Negara. Turut hadir adalah YBhg. Dato' Lai Yeng Fock, Timbalan Presiden Malaysian Bamboo Society dan Tuan Bu Yow Meng, Presiden, Persatuan Industri Semaian Johor (PISJ).

Sesi perbincangan dan taklimat ini memberi fokus kepada penggalakan penglibatan pembekal / pengusaha nurseri lanskap ke Misi Penggalakan Pelaburan dan



Perdagangan Industri Lanskap yang akan diadakan pada tahun 2023.

Bengkel Pembangunan Diagram AS-IS Enterprise Architecture (EA) Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) Tahun 2023.



Pada 08 hingga 09 Jun 2023, bertempat di Hotel Pulse Grande, Putrajaya, telah berlangsungnya Bengkel Pembangunan Diagram As-Is Enterprise Architecture (EA) KPKT bagi Jabatan Lanskap Negara.

Bengkel yang diurus setiakan dan dianjurkan oleh Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa KPKT dengan kerjasama dari MAMPU telah dihadiri oleh Jabatan Landaskap Negara, pakar-pakar

pembangunan EA dari PLANMalaysia, SWCorp, JKT, JPN serta Bahagian Teknologi Maklumat KPKT

Bengkel ini juga turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah (Dasar); Dr. Mazifah Simis, Pengarah Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat; Encik Ahmad Syaharuddin Kamaruddin; Pengarah dan Wakil-wakil Bahagian yang dilantik khas bagi membangunkan dan menyediakan rekabentuk EA Jabatan.

Sesi Perbincangan Dan Taklimat Misi Penggalakan Perdagangan Dan Pelaburan Industri Lanskap Tahun 2023 Bersama Pihak Institut Arkitek Lanskap Malaysia (ILAM).

Pada 13 Jun 2023 (Selasa), satu sesi perbincangan dan taklimat berkenaan Misi Pelaburan dan Perdagangan Industri Lanskap bersama pihak Institut Arkitek Lanskap Malaysia (ILAM) telah diadakan di Jabatan Lanskap Negara. Sesi ini dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Mazifah Simis, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Jabatan Lanskap Negara. Turut hadir adalah YBrs. Prof.

Madya Dr. Nor Atiah bt Ismail, Presiden ILAM dan wakil-wakil perunding arkitek lanskap.

Sesi perbincangan dan taklimat ini memberi fokus kepada penggalakan penglibatan firma perunding lanskap ke Misi Penggalakan Pelaburan dan Perdagangan Industri Lanskap yang akan diadakan pada tahun 2023.



PERISTIWA DAN AKTIVITI

Program Lawatan Apresiasi Warisan Lanskap anjuran Biro Lestari Hijau dan Rekreasi, PUSPANITA Cawangan KPKT ke Taiping, Perak.



Pada 10 hingga 11 Jun 2023, Biro Lestari Hijau dan Rekreasi, Jabatan Lanskap Negara telah menganjurkan satu Program Lawatan Apresiasi Warisan Lanskap Ke Taiping, Perak. Program lawatan ini telah diketuai oleh Puan Azlini Binti Ahmad Adnan selaku Timbalan Pengurus Cawangan Puspanita KPCT, Dr Mazifah Binti Simis, Pengurus Biro Lestari Hijau dan Rekreasi dari Jabatan Lanskap Negara, KPCT

selaku Ketua Urusetia Lawatan, dan Puan Idatul Farita Binti Mohamad Toha, selaku Setiausaha Puspanita Cawangan KPCT.

Seramai 40 peserta Ahli Puspanita hadir dan telah mendapat banyak pendedahan mengenai sejarah bandar warisan dan budaya di negeri Perak. (Taman Tasik Taiping, Perak, Taman Botani Perak), konsep rekabentuk bandar disamping keunikan / nostalgia di bandar warisan sejarah (Jejak

Warisan, Bas Tour) serta landskap semulajadi berkonsepkan pemuliharaan alam sekitar di negeri Perak (Lawatan ke Kuala Sepetang, Jeti Awam, Dapur@Tanur). Lawatan ini juga turut dijayakan dan mendapat sokongan penuh daripada YBrs Tuan Khairul Amir bin Mohamad Zubir, selaku Yang Di-Pertua dan Tuan Haji Mior Rosli bin Abdullah, selaku Ketua Bahagian Lanskap, di Majlis Perbandaran Taiping, Perak.

Program Kolaborasi Strategik Di Antara Jabatan Lanskap Negara (JLN) dan Jabatan Penjara Malaysia (JPM).

Pada 05 Julai 2023, telah berlangsungnya satu sesi perbincangan berkenaan Program Kolaborasi Strategik di antara Jabatan Lanskap Negara (JLN) dan Jabatan Penjara Malaysia (JPM).

Sesi ini dipengerusikan oleh Encik Ahmad Syaharuddin Kamaruddin, Pengarah Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat dan Jabatan Penjara Malaysia diwakili oleh Encik Zamzuri Ghani, Penolong Kanan Komisioner Penjara (Seksyen Dasar).



Sesi perbincangan ini bertujuan untuk mengadakan program kolaborasi strategik di antara Jabatan Lanskap Negara (JLN) dan Jabatan Penjara Malaysia

(JPM) bagi mewujudkan persekitaran kondusif ruang landskap penjara.

PERISTIWA DAN AKTIVITI

Program Festival “I-HIJAU KKTP” : Inisiatif Hijau KKTP, Aspirasi Sabah Maju Jaya 2023.

Pada 17 Julai 2023 Jabatan Landskap Negara (JLN) telah dijemput untuk mengadakan sesi penyerahan dokumen Pelan Induk Landskap kepada Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Sabah iaitu Majlis Daerah Lahad Datu dan Lembaga Bandaran Kudat. Jabatan turut menyertai pameran dalam Program Festival “I-HIJAU KKTP” tersebut. Penyerahan dokumen Pelan Induk Landskap telah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap I, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) Sabah, Tuan Stanley Chong diiringi oleh YBrs. Tuan Haji Mansor bin Mohamad, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), JLN dan pegawai-pegawai eksekutif KKTP Sabah Timbalan Setiausaha Tetap II Puan Faridah Giau, Ketua Penolong Setiausaha (Landscape) LAr. Nurulhayati Awang More dan Tuan Robert Malangkig (Pegawai Eksekutif MD Penampang).

Turut hadir ke program festival tersebut adalah Puan Ramona binti Razali, Pengarah Bahagian Pembangunan Landskap, Encik Mahathir Bin Muhammed, Pengarah Bahagian Promosi dan Industri



Landskap, Encik Muhammad Haziq bin Rusli, Penolong Pengarah, Bahagian Pembangunan Landskap, dan Encik Mazkhialis bin Haji Mahi, Penolong Arkitek Landskap, Bahagian Promosi dan Industri Landskap yang mewakili Jabatan Landskap Negara dalam menjayakan program tersebut.

Majlis Pelancaran Buku Pelan Induk Landskap Shah Alam (PILSA) dan Penyampaian Anugerah Landskap Shah Alam.



Sekitar Majlis Pelancaran Buku Pelan Induk Landskap Shah Alam (PILSA) Dan Penyampaian Anugerah Landskap Shah Alam yang telah berlangsung dengan meriah di Pusat Konvensyen MBSA, Seksyen 13. Untuk makluman, Buku Pelan Induk Landskap Shah Alam 2035 (PILSA 2035) merupakan inisiatif pihak MBSA untuk menyediakan dokument perancangan dan pembangunan landskap yang komprehensif dan terancang menjelang tahun 2035.

Turut diadakan majlis penyampaian hadiah Pertandingan Anugerah Landskap Shah Alam (ALSA) bagi

tahun 2023. Untuk makluman, Anugerah Landskap Shah Alam 2023 merupakan pertandingan yang mengiktiraf landskap terbaik sekolah bagi kategori sekolah rendah dan menengah di kawasan pentadbiran Shah Alam. MBSA telah menerima 35 penyertaan daripada sekolah dimana sebanyak 18 buah sekolah bagi penyertaan kategori landskap terbaik sekolah rendah dan 17 buah sekolah bagi kategori landskap terbaik sekolah menengah. Majlis pada hari ini telah disempurnakan oleh YM. Tengku Ahmad Bin Tengku Kasim, Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Shah Alam. Turut hadir YBrs. Encik

Muhammad Shakir Bin Ameer Mohideen, Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Shah Alam; Ahli-Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Shah Alam; YBrs. Puan Majidah Binti Md. Ali, Pengarah Landskap, MBSA; YBrs. Puan Nor Azwa Binti Ab. Mutalib, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pembangunan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia; YBrs. Tuan LAr. Mohamad Anipiah Bin Jamahari, Principle Projek Lineworks and Space Sdn. Bhd. serta Pengurusan Tertinggi MBSA.

PERISTIWA DAN AKTIVITI

Kunjungan Hormat Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Melaka ke Jabatan Landskap Negara.



Pada 25 Mei 2023 (Khamis), telah berlangsungnya Kunjungan Hormat Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Melaka ke Pejabat Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara. Kunjungan hormat tersebut diketuai oleh YBhg. Datin Sapiah binti Haron, Yang Dipertua MPHTJ dan dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Roslee bin Abdullah, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara.

Sesi kunjungan hormat ini adalah bertujuan untuk membincangkan berkaitan dengan perancangan landskap untuk Taman Seribu Bunga serta Dataran Sejarah, Ayer Keroh, Melaka serta membina jaringan kerjasama di antara Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dengan Jabatan Landskap Negara.

Turut hadir sama dalam sesi ini adalah YBrs. Dr. Mazifah binti

Simis, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JLN; Datin Sapiah binti Haron YDP MPHTJ; Encik LAr. Mohammad Norfadzly bin Mohammad Sharif, Pengarah Landskap dan Kesihatan Persekutaran MPHTJ; Encik Shahrulnaim bin Ibrahim, Pengarah Korporat & Khidmat Masyarakat MPHTJ serta Pengarah dan Pegawai Bahagian Jabatan Landskap Negara.

Kunjungan Hormat Delegasi Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK), Kedah ke Jabatan Landskap Negara.

Pada 6 Julai 2023, telah berlangsungnya Kunjungan Hormat Delegasi Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK), Kedah ke Jabatan Landskap Negara.

Kunjungan hormat tersebut diketuai oleh Dato' Hj Muhamad Arof bin Darus, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) dan dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Roslee bin Abdullah, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara.

Sesi kunjungan hormat ini adalah bertujuan untuk menimba ilmu pengetahuan seterusnya mengaplikasi tatacara kerja dalam pembangunan landskap dan keceriaan bandar kerana MPSPK sedang ke arah menjadikan Sungai Petani bandar mampan.



Turut hadir YBrs. Dr. Mazifah binti Simis, Pn. Norrul Huda binti Mohamed Ali, En. Mohd Zahir bin Salleh, En. Muhd Hasrun bin Ahmad, Cik Natasha binti Ismail, Pn. Zureen binti Daud, En. Mohd Fuad bin Ahmad serta Pengarah dan Pegawai JLN.

PERISTIWA DAN AKTIVITI

Lawatan Pemantauan Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Jabatan Landskap Negara ke Projek-projek Pembangunan bagi Bulan Mei 2023.



Satu lawatan pemantauan ke projek-projek pembangunan telah diadakan oleh YBrs. Dr. Mazifah Simis, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) (TKPD) JLN pada 22-24 Mei 2023 dan diiringi oleh pegawai dari Bahagian Penilaian dan Penyelaras JLN.

Antara projek-projek yang terlibat dalam lawatan pemantauan ini adalah projek Taman Awam Kuala Kerteh, Terengganu; projek Landskap Perbandaran Dungun, Terengganu; projek Pemuliharaan

Kunang-Kunang Sungai Yak Yah, Kemaman, Terengganu; projek Naik Taraf Taman Awam Jengka, Pahang; Naik Taraf Taman Tasik Chatin, Pahang dan projek Taman Awam Bentong.

Lawatan pemantauan ini disertai oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) selain pegawai projek, perunding dan kontraktor. TKPD JLN juga mempengerusikan satu mesyuarat dan membuat lawatan tapak projek Pemuliharaan Kunang-Kunang Sungai Yak Yah di

Kemaman, Terengganu.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah bagi memantau kemajuan fizikal dan kualiti kerja pihak kontraktor selain mengenal pasti segala isu yang berbangkit di tapak projek. Hasil tinjauan secara keseluruhan, TKPD JLN berpuas hati dengan kualiti dan kemajuan di tapak dan meminta kerjasama pegawai projek, perunding dan PBT untuk terus memantau kerja-kerja pihak kontraktor.

Majlis Pelancaran Buku Pelan Induk Landskap (PiLAN PJ) MBPJ.



Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah mengadakan Majlis Pelancaran Buku Pelan Induk Landskap (PiLAN PJ) di The Spine @ PJKita, Kelana Jaya. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tuan Mohamad Azhan bin Md Amir, Datuk Bandar Petaling Jaya. PiLAN PJ adalah dokumen perancangan landskap dan pelan tindakan jangka panjang secara inklusif di Petaling Jaya bagi tempoh lima tahun. Dua jilid utama merangkumi garis panduan bagi memastikan pembangunan landskap di bandar raya itu sejajar

matlamat pembangunan mampan dan memelihara alam semula jadi. Ia berfokus kepada aspek bandar pintar, bandar inklusif, bandar rendah karbon, bandar mesra kanak-kanak dan bandar berpelajaran selain menumpukan golongan miskin bandar, inisiatif keusahawanan dan pendigitalan. Rancangan tersebut turut melibatkan pembentukan bandar pesat ekonomi, bandar kitaran ekonomi, bandar komuniti 5.0, bandar selamat dan berdaya tahan serta bandar e-pentadbiran di bawah pentadbiran MBPJ, Selangor. Turut hadir bersama adalah Tuan LAr. Dr. Badrulzaman Bin Jaafar, Pengarah Jabatan Landskap MBPJ. Jabatan Landskap MBPJ juga berbesar hati menjemput wakil dari Jabatan Landskap Negara iaitu Puan Aliza Azlin binti Md. Dzulkifli, Penolong Pengarah Kanan di Bahagian Pembangunan Landskap mewakili pegawai yang menguruskan Pelan Induk Landskap dan juga Puan Intan Maisarah Binti Razali, Penolong Pengarah Kanan di Bahagian Promosi dan Industri Landskap bagi penyampaian taklimat berkenaan Dasar Kebun Komuniti Bandar KPKT.

PERISTIWA DAN AKTIVITI

Program Pembudayaan Lanskap Rakan Taman 2023 Peringkat Majlis Daerah Kota Tinggi, Johor.



Program Rakan Taman 2023 Peringkat Majlis Daerah Kota Tinggi telah berlangsung pada 21 dan 22 Julai 2023, melibatkan dua 'Rakan Taman'. Program Rakan Taman pertama dilaksanakan di Jalan Delima, Taman Kota Jaya 2, Kota Tinggi, melibatkan kerjasama antara penduduk sekitar Taman Kota Jaya 2, para guru dan pelajar dari Kolej Vokasional Kota Tinggi dan Sekolah Kebangsaan Taman Kota Jaya. Program berkenaan dihadiri oleh

Encik Mohammad Nazrul Abd Rahim, YDP MDKT, Puan Intan Maisarah Razali, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Promosi dan Industri Lanskap, Jabatan Lanskap Negara, Encik Zul Naim Arbange, Penolong Pegawai Pertanian, Pejabat Pertanian Daerah Kota Tinggi, serta Tuan Haji Mesran Tukiman, Ahli Majlis Zon 12.

Antara aktiviti yang dijalankan

sepanjang program tersebut adalah seperti, taklimat mengenai Teknik Penanaman Sayur Yang Berkesan khusus dikawasan kebun komuniti, kutipan sampah di sekitar kawasan Taman Kota Jaya 2 dan penyampaian peralatan pertanian kepada Tn. Hj Mesran Tukiman (Ahli Majlis Zon 12).

Manakala pada 22 Julai 2023, Program Rakan Taman yang kedua telah diadakan di Taman Melati 3, Kota Tinggi. Program ini telah dirasmikan dengan jayanya oleh Tuan Syed Muhammad Khalil Syed Ahmad, Setiausaha Majlis Daerah Kota Tinggi, Johor.

Pembukaan majlis diserikan dengan persembahan seni silat dari Persatuan Silat Seni Gayung Gelanggang Terakoi Putih, seterusnya aktiviti-aktiviti melibatkan komuniti setempat seperti gotong-royong, menanam pokok dan penyerahan peralatan pertanian kepada Ahli Persatuan Kebun Komuniti Taman Melati.



PERISTIWA DAN AKTIVITI

Pertandingan Hiasan Patriotik Jabatan Landskap Negara Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Dan Hari Malaysia Tahun 2023.

Bermula dari 29 Ogos hingga 16 September 2023, Jabatan Landskap Negara melalui Kelab Kebajikan, Sukan dan Rekreasi JLN (KEKSAR JLN) telah menganjurkan Pertandingan Hiasan Patriotik Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia Tahun 2023 di setiap aras dan ruang kerja Jabatan Landskap Negara. Sesi penjurian bagi pertandingan yang

bertemakan "Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan" ini telah diadakan pada 08 September 2023.

Objektif pertandingan ini bertujuan untuk memupuk semangat cintakan negara dan menyemarakkan semangat kenegaraan melalui persekitaran dan ruang kerja setiap Bahagian dengan hiasan kemerdekaan yang kreatif dan inovatif.

KEKSAR JLN mengucapkan jutaan terima kasih di atas penglibatan semua Warga Kerja Jabatan yang bersama-sama berganding bahu meningkatkan keceriaan ruang kerja bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia tahun ini.

"Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan"



Majlis Perhimpunan Bulanan, Jabatan Landskap Negara, Bil. 01/2023 Pada 25 September 2023.



Majlis perhimpunan kali ini yang dianjurkan oleh Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan, turut dimeriahkan lagi oleh kehadiran Ketua Pengarah Landskap Negara, YBrs. Tuan Roslee Abdullah, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, Pengarap-pengarah serta Pegawai-pegawai Bahagian JLN.

Di dalam Majlis ini juga, Ketua Pengarah Landskap

Negara telah menyampaikan Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022 dan hadiah kepada Pemenang-pemenang Pertandingan Hiasan Patriotik sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-66 dan Hari Malaysia anjuran Kelab Kebajikan, Sukan & Rekreasi Jabatan (KEKSAR).

PERISTIWA DAN AKTIVITI

Hari Lanskap Negara 2023 Peringkat Pulau Pinang.

Hari Lanskap Negara 2023 peringkat Pulau Pinang telah disambut pada 02 Oktober 2023 dan dirasmikan oleh Tuan Yang Dipertua Pulau Pinang, YBhg. Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Majlis ini turut dihadiri oleh Datuk Bandar Seberang Perai, YBhg. Datuk Azhar Arshad dan Jabatan Lanskap Negara pula diwakili oleh Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan, YBrs. Encik Mohd Saifuddin Ali.



Program Pembudayaan Lanskap Di Sekolah Menengah Bandar Tasik Kesuma, Selangor.

Program Pembudayaan Lanskap telah berlangsung pada 22 September 2023 di SMK Bandar Tasik Kesuma, Beranang, Selangor.

Program Pembudayaan Lanskap adalah program untuk mendidik dan memupuk kesedaran masyarakat untuk menghargai lanskap dan persekitaran. Program ini mula diperkenalkan di Jabatan Lanskap Negara pada tahun 2013. Program ini dilaksanakan selaras dengan Teras 1 Dasar Lanskap Negara iaitu membudayakan kecintaan terhadap lanskap.

Program berkenaan dihadiri oleh YBhg. Datin Wan Norashikin binti Abu Kasim, School Improvement partners (SIP) Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat, YBrs. Dr Mazifah binti Simis, Timbalan Ketua Pengarah



Cawangan Dasar Jabatan Lanskap Negara, YBrs. Encik Moh Salleh@Mohd Salleh bin Salehin, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Tasik Kesuma, Pegawai-pegawai Jabatan Lanskap Negara, guru-guru, pelajar sekolah serta wakil-wakil jabatan dalam MPKJ. Turut menjayakan program bersama adalah Encik Norfaizal bin Zakaria, Yang DiPertua Persatuan

Ibu Bapa dan Guru SMK Bandar Tasik Kesuma.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program tersebut adalah seperti gotong royong bersama warga sekolah dan pihak MPKJ, demonstrasi amalan penanaman pokok hiasan yang betul oleh pegawai dari Jabatan Lanskap Negara dan aktiviti menanam pokok di sekitar Kawasan sekolah. Aktiviti ini melibatkan kerjasama antara warga sekolah, PIBG, MPKJ dan JLN.

PERISTIWA DAN AKTIVITI

Program Pembudayaan Lanskap Rakan Taman 2023 Peringkat Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Melaka.

Program Rakan Taman 2023 Peringkat Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Melaka telah berlangsung pada 09 September 2023 (Sabtu) di Taman Angkasa Nuri, Durian Tunggal, Melaka.

Program Rakan Taman ini melibatkan kerjasama antara penduduk sekitar Taman Angkasa Nuri, Durian Tunggal, Melaka.

Program berkenaan dihadiri oleh Tuan CLR. Tan Chee Seng, Ahli

Majlis Durian Tunggal, Melaka, Encik Baharudin bin Abdul Rasid, Penghulu Dun Durian Tunggal, Encik Mohammad Norfadzly Bin Mohamad Shariff, Pengarah Jabatan Lanskap, MPHTJ, Encik Mahathir Bin Muhamed, Pengarah Bahagian Promosi dan Industri Lanskap dan Puan Intan Maisarah Razali, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Promosi dan Industri Lanskap dari Jabatan Lanskap Negara.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program tersebut adalah seperti, gotong-royong disekitar kawasan lapang, penanaman pokok jenis sayuran dikawasan kebun komuniti, Taman Angkasa Nuri, Durian Tunggal, Melaka, serta penyampaian peralatan tanaman kepada wakil penduduk Taman Angkasa Nuri, Durian Tunggal, Melaka.



Program Pembudayaan Lanskap Rakan Taman 2023 Peringkat Majlis Perbandaran Kajang, Selangor.

Program berkenaan dihadiri oleh Yang Berusaha Tuan Haji Najmuddin bin Jemain, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang, Yang Berusaha Tuan Mohd Fareez bin Mohd Ariss @Mohd Hatta, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang, Tuan Thiagarajah a/l Rajagopal, Ahli Majlis MPKj Zon 19 (Bandar Teknologi Kajang), Tuan LAr Norazman bin Abd Rahim, Pengarah Jabatan Lanskap dan Rekreasi MPKj, Encik Mahathir Bin Muhamed, Pengarah dan Puan Intan Maisarah Razali, Penolong Pengarah Kanan di Bahagian Promosi dan Industri Lanskap, Jabatan Lanskap Negara,

kakitangan, serta wakil-wakil jabatan dalaman MPKj.

Turut menjayakan program bersama adalah Tuan Saipi Bin Mat Hasan, Pengurus Persatuan Penduduk Pangsapuri Prima Cempaka Kajang.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program tersebut adalah seperti gotong-royong membersih kawasan sekitar, menanam pokok, mengecat kemudahan bangku dan meja taman serta mengemas tanaman sediada. Aktiviti ini melibatkan kerjasama antara penduduk di Pangsapuri Prima Cempaka, Kajang, Selangor.



PERISTIWA DAN AKTIVITI

Majlis Pemasyhuran Majlis Perbandaran Pekan Bandar Diraja.

Pada 21 Oktober 2023 telah berlangsungnya Majlis Pemasyhuran Majlis Perbandaran Pekan Bandar Diraja bertempat di perkarangan Pejabat Majlis Perbandaran Pekan (MPP). Majlis Daerah Pekan (MDP) secara rasmi diisythir sebagai Majlis Perbandaran Pekan (MPP) Bandar Diraja berkuat kuasa pada hari Sabtu lalu.

Majlis tersebut disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah

Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Landskap Negara telah dijemput sebagai pemamer dan jemputan ke Majlis Pemasyhuran. YBrs. Dr. Mazifah binti Simis, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) telah hadir mewakili Jabatan.

Terdahulu beliau telah mengadakan lawatan pemantauan projek Landskap Perbandaran Pekan.



PERISTIWA DAN AKTIVITI

Bengkel Pembangunan Diagram To-Be, Enterprise Architecture Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) Tahun 2023.

Pada 01 hingga 02 November 2023, bertempat di Hotel Everly, Putrajaya telah berlangsungnya Bengkel Pembangunan Diagram To-Be Enterprise Architecture (EA) KPKT bagi Jabatan Landskap Negara.

Bengkel yang diurus setiakan dan dianjurkan oleh Bahagian

Perancangan Antarabangsa Startegik dan KPKT dengan kerjasama dari MAMPU serta pakar-pakar pembangunan EA dari Jabatan-jabatan dan Bahagian Teknologi Maklumat KPKT.

Bengkel ini juga turut dihadiri oleh Pengarah Bahagian Dasar dan

Pengurusan Korporat JLN; Encik Ahmad Syaharuddin Kamaruddin; Pengarah-pengarah dan Wakil-wakil Bahagian JLN yang dilantik khas bagi membangunkan dan menyediakan rekabentuk EA Jabatan.



Lawatan Pemantauan Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Jabatan Landskap Negara Ke Projek-projek Pembangunan Bagi Bulan November 2023 Di Kota Kinabalu, Sabah Dan Kuching, Sarawak.

Satu lawatan pemantauan ke projek-projek pembangunan telah diadakan oleh YBrs. Dr. Mazifah Simis, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), JLN di Kota Kinabalu, Sabah dan Kuching, Sarawak pada 30 Oktober 2023 – 02 November 2023 dan diiringi oleh pegawai dari Bahagian Penilaian dan Penyelarasian.

Projek yang terlibat pada hari pertama lawatan di Kota Kinabalu, Sabah adalah projek Pembangunan Taman Botani Sabah. Lawatan ini disertai oleh pegawai projek, perunding dan juga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Lawatan ini bertujuan untuk mengenal pasti segala permasalahan yang berbangkit di



tapak. Hasil tinjauan secara keseluruhan, TKP(D) berpuas hati dengan kualiti dan kemajuan di tapak dan meminta kerjasama perunding dan PBT untuk terus memantau kerja-kerja pihak kontraktor. TKP(D) juga berkesempatan membuat lawatan pemantauan Projek Tumbuhan Endemik Bukit Bendera Kota Kinabalu, Sabah.

Pada hari kedua lawatan di Kota Kinabalu, Sabah, TKP(D) telah menghadiri Majlis Perasmian Penutupan Seminar Landskap 2023 bertemakan "Regeneration: Living, Learning, and Growing Together" di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC).

PERISTIWA DAN AKTIVITI

Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KPCT Bil.11/2023 di Jabatan Landskap Negara.

Pada 25 Oktober 2023, satu Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) KPCT telah diadakan di bilik Mesyuarat Bunga Raya, Jabatan Landskap Negara. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh YBhg.

Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPCT.

Mesyuarat Pengurusan Tertinggi disempurnakan lagi dengan penyampaian sijil persaraan dan cenderahati kepada YBrs. Tuan

Roslee bin Abdullah, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara serta pelancaran tabung bantuan Palestin.



PERISTIWA DAN AKTIVITI

Majlis Sekalung Budi Bagi Penghargaan Jasa Dan Bakti Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara pada 27 Oktober 2023.



Majlis Sekalung Budi untuk Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, YBrs. Tuan Roslee Abdullah telah berlangsung di Dewan Damarsari 3, Blok F8, Parcel F, Putrajaya.

Turut meriahkan lagi majlis, Timbalan Ketua Pengarah

Cawangan Dasar, YBrs. Dr. Mazifah Simis, Pengarah-pengarah serta Pegawai-pegawai Bahagian JLN telah hadir bersama bagi meraikan sumbangan, jasa dan bakti YBrs. Tuan Roslee Abdullah yang akan bersara wajib pada 30 Oktober 2023.

PERISTIWA DAN AKTIVITI

"Clock Out" Ketua Pengarah JLN YBrs. Tuan Roslee bin Abdullah Sempena Hari Terakhir Perkhidmatan Beliau Di Jabatan Landskap Negara.



Sesi "Clock Out" dihari terakhir perkhidmatan YBrs. Tuan Roslee Abdullah pada 27 Oktober 2023 telah turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Landskap Negara, Pengarah-pengarah serta Pegawai-pegawai Bahagian dan Warga Jabatan.

Selamat Bersara dan Terima Kasih di atas segala sumbangan serta khidmat bakti yang telah diberikan kepada Jabatan.



PERISTIWA DAN AKTIVITI

Malaysia Urban Forum "Fostering Sustainable and Resilient Urbanisation" in Kuching, Sarawak.

Between November 06th and 08th 2023, the fifth iteration of the Malaysia Urban Forum transpired in Kuching, Sarawak. Centered around the theme "Fostering

Sustainable and Resilient Urbanization," the forum saw the participation of Deputy Director-General of Development, YBrs. Tuan Mansor Mohamad and

various delegates from the National Landscape Department (JLN). This assembly was orchestrated by Urbanice Malaysia.



Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan Tahun 2023.



Pada 15 dan 16 Oktober 2023, telah berlangsungnya satu sesi persembahan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan Tahun 2023.

Jabatan Landskap Negara (JLN) dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur (JBPM KL) telah menyertai konvensyen KIK ini secara hybrid dengan penglibatan seramai tiga pegawai dari Jabatan Landskap Negara iaitu Encik Adnan Baharuddin; Penolong Pengarah Kanan Bahagian Taman Persekutuan, Encik Muhammad Harith Firdaus Halim; Penolong Pengarah Bahagian Taman Persekutuan dan Puan Noor Ashura Shuib; Penolong Arkitek Landskap Bahagian Taman Persekutuan.

International Bamboo & Food Festival 2023.

International Bamboo & Food Festival 2023 telah diadakan pada 24 November 2023 hingga 26 November 2023 bertempat di Tadom Hill Resort, Banting, Selangor. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang program adalah seperti pameran dan jualan, Bamboo Talk Session, dan lain-lain lagi.



Jabatan telah mengambil bahagian dengan menyertai ruang pameran bagi mempromosikan JLN dan program-program yang ditawarkan.

PERISTIWA DAN AKTIVITI

Lawatan Sambil Belajar Jabatan Senibina Lanskap, Fakulti Senibina Dan Ekistik (FSE), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) ke Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Pada 27 November 2023 (Isnin), Jabatan Senibina Lanskap, Fakulti Senibina dan Ekistik (FSE), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah megadakan lawatan sambil belajar ke Taman Persekutuan Bukit Kiara yang terdiri daripada 47 orang pelajar tahun 1 Program Ijazah Sarjana Muda Senibina

Lanskap serta 4 orang pensyarah pengiring.

Lawatan tersebut bertujuan untuk mempelajari dan menimba ilmu berkaitan bidang senibina lanskap. Selain itu, lawatan ini juga ingin mendapatkan maklumat mengenai peranan yang dimainkan oleh Jabatan Lanskap Negara

untuk pembangunan negara sebagai pengenalan kepada pelajar.

Semoga dengan lawatan ini dapat memberikan input dan pendedahan yang berguna khususnya buat pelajar Ijazah Sarjana Muda Senibina Lanskap UMK.



Kunjungan Hormat Pusat Sains Kreativiti Terengganu Sdn. Bhd. ke Jabatan Lanskap Negara.



Pada 06 Disember 2023 (Rabu), telah berlangsungnya Kunjungan Hormat Pusat Sains Kreativiti Terengganu Sdn. Bhd. ke Jabatan Lanskap Negara. Kunjungan hormat tersebut diketuai oleh En. Huzairil Nizam bin Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Sains Kreativiti Terengganu Sdn. Bhd. dan dipengerusikan oleh YBrs.

Tuan Mansor bin Mohamad, Ketua Pengarah Jabatan Lanskap Negara.

Sesi kunjungan hormat ini adalah bertujuan untuk mewujudkan sebuah taman bagi memenuhi keperluan dan kesejahteraan rakyat serta mengetengahkan penyampaian ilmu sains dan teknologi di Negeri Terengganu.

Turut hadir sama dalam sesi ini adalah YBrs. Dr. Mazifah binti Simis, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JLN, Encik Saharudin bin Abu Rohan, Pengarah Bahagian Khidmat Teknikal JLN dan Encik Mohd Zulhilmi bin Hasbullah, Pengurus Pembangunan Perniagaan Pusat Sains Kreativiti Terengganu Sdn. Bhd.

INSPIRASI

South Visitor Center Park at Fuxian Lake.

Fuxian Lake is one of China's most popular tourist destinations because of its mild climate all year round. The lake is also one of the largest freshwater reservoirs in the country, with a static water capacity of 20.4 billion cubic meters which is one tenth of the total national freshwater reserve. The proposed South Visitor Center is

located where upland-streams enter the reservoir, hence the biggest challenge to the project was to ensure all storm-water is purified before entering Fuxian lake to exceed national standards whilst balancing the needs of both people and nature without disrupting the ecological balance.



Circulation & Programs:

The circulation surrounding the reflection pond links the park entry and visitor center building and provides dynamic experiences: walking through cedar forests, playing with water at the plaza, sensing the flower in gardens, watching the


reflecting at the steps, or lying on sloping walls for star gazing or sun bathing. A meandering elevated walkway is placed between the pond and wetland zone, affording magnificent views to the lake beyond the wetlands.



Green Infrastructure:

The 0.4 ha reflection pond is the landscape core. The pond receives water from mountain villages on non-storm days after water treatment equipment through sediment basins and purification units. During floods, a bypass channel placed along the street diverts stormwater around

the west edge of the site. Outlets of the pond and bypass channels lead the water to wetlands outside the 110m protective zone for the further purification. These wetlands are low intervention ecological buffers and essential green infrastructure to ensure all pollutants are removed before water enters Fuxian Lake.



INSPIRASI

The park is enjoyed by visitors and local villagers alike, accommodating to all users, age groups and accessibility needs. People define the programs to use through their behaviors and engagement with natural and designed landscape elements such as the undulating walls that, level

changes to water and water fountains. The design encourages people to find their own favorite spots to view the lake over the reflecting pond or wetland. Meeting your neighbor along an elevated walkway or meeting tourists from afar.



Galaxy Language.

The design language adapted from the wonders of constellations and the galaxy as Fuxian Lake is one of the best destinations in China to enjoy the starry sky at night. The undulating walls and oval shaped plaza are key destinations on the south side of the reflecting pond.

Vegetation Restoration & Materiality:

In order to restore the vegetation on site, local dominant species were used during transformation, and invasive species removed appropriately. After that, we also replant fruit trees and crops with important ecological and economic value to enrich the vegetation structure. Considering the landscape effect along the lakeside,

small trees and ornamental grasses are mainly used to guarantee a complete and unblock the lake view.

The use of material is focused on four topics: local character, low cost, recyclable and permeable. In the project, we use material with local attractions to make landscape furniture. And traditional folk



Reflections:

Fuxian Lake is famous in China for having the most number of sunny days without air pollution. During the day, the pond reflects mountains, elevated walks, trees,

people's activities and the clear blue sky. People also enjoy the reflection of stars at night by sitting on waterside steps or locally crafted furniture.

customs are combined in design language to make the landscape more vivid. We recycle stones and gravels from site, and ultimately transform them into permeable paving aggregates to control cost and keep the site eco-friendly.

South Visitor Center Park at Fuxian Lake.



In mid 2009 Turenscape was commissioned to design a wetland park of 34.2 hectares right in the middle of this new town, which is listed as a protected regional wetland. The site is surrounded on four sides by roads and dense development. As such, water sources into this former wetland were being cut, and the wetland was under the threat. Turenscape's strategy was to transform the dying wetland into a 'green sponge' - an urban stormwater park, which will not only rescue the disappearing wetland, but will also provide multiple ecosystems services for the new urban community. The challenges are obvious: How can a disappearing

wetland be preserved in the middle of the city when its ecological and biological processes have been cut off by the urban context? How can such an urban wetland ecosystem be designed to provide multiple ecosystems for the city? And what is the economic way to deal with such a big landscape? The solution was to transform the wetland into a multi-functional stormwater park that will collect, filtrate, store stormwater and infiltrate to the aquifer, whilst being productive and life supporting, providing new recreational and aesthetic experiences for the city.

The design strategies are multifaceted and multilayered.

1. Leave the nature core alone: The central part of the existing wetland is untouched and left alone for the natural process to domain for evolution and transforming.

2. Cut-and-fill strategy to create an outer ring. The next strategy was to create a necklace of ponds-and-mounds surrounding the former wetland using simple cut-and-fill technique. This pond-and-mound peripheral ring surrounding creates a stormwater filtrating and cleansing buffer zone for the core wetland, and a welcoming landscape filter between nature and city. Stormwater from the newly built urban area is collected into a pipe around the circumference of the wetland, and then released evenly into the wetland after being filtrated and deposited through the ponds. Native wetland grasses and meadows are grown in the ponds of various depths and the natural evolution process is initiated. Groves of native silver birch trees (*Betula*) are grown on the mounds of various heights that create a dense forest setting.

3. The path and platforms: On the ground level, following the cut-and-fill water filtration land form, a network of paths are built into the pond-and-mound ring allowing visitors to have a walk-through-forest experience. Seats are put into the ponds to allow people to have close contact with nature.

4. The upper layer above the natural landscape: A skywalk links scattered mounds allowing surrounding residents to have an above-the-wetland and in-the-canopy experience. Platforms, pavilions and viewing towers are set on the mounds and are connected by the skywalk to allow visitors to have distant views and observe the nature in the center. Through the transformation of this dying wetland, stormwater that frequently causes flooding has now become a positive environmental amenity in the city. The Stormwater Park now has been listed as a national urban wetland park. This project demonstrates an ecosystem services oriented methodology to urban park design, and is a showcase for this water urbanism approach.



Tahniah



Pada 15 November 2023, YBrs. Tuan Mansor bin Mohamad secara rasminya telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara dan juga merupakan Ketua Perkhidmatan bagi seni binaan landskap di Malaysia.

Tahniah dan selamat menjalankan tugas.

Selamat bersara YBrs. Tuan Roslee bin Abdullah.

Pada 23 September 2022, YBrs. Tuan Roslee bin Abdullah secara rasminya telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara. Tanggal 30 Oktober 2023 beliau secara rasminya menamatkan tugasan dan bersara sebagai Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara.

Selamat maju jaya. Jasamu dikenang.



Sekalung Penghargaan



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN
Ministry of Local Government Development



JABATAN LANDSKAP NEGARA

Tingkat 10, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F,
Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 PUTRAJAYA.
Tel.: (603) 8091 0500 | Faks.: (603) 8091 0670